


54
Jilid IV
Bil. 1

54



23/6/76
Hari Isni
18hb Oktober, 1976

LAPURAN PERSIDANGAN OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT
FOURTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KETIGA
Third Session

MESYUARAT YANG KEDUA
Second Meeting

Jilid IV
Bil. 1

Hari Isnin
18hb Oktober, 1976



LAPURAN PERSIDANGAN OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT *FOURTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG*

PENGGAL YANG KETIGA *Third Session*

MESYUARAT YANG KEDUA *Second Meeting*

KANDUNGANNYA

USUL DI BAWAH PERATURAN MAJLIS MESYUARAT 15 (2) [2]
JAWAPAN-JAWAPAN MULUT KEPADA SOALAN-SOALAN [4]
JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN [18]
RANG UNDANG-UNDANG [14]
USUL-USUL [18]
PENANGGUHAN [21]

PULAU PINANG
DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEEMPAT
Laporan Persidangan
PENGGAL YANG KETIGA
MESYUARAT YANG KEDUA

Hari Isnin, 18hb Oktober, 1976

HAZIR :

Yang Berhormat Tuan Speaker (Datuk Harun bin Sirat, D.M.P.N.)
Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr Lim Chong Eu)
Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri (Encik Mohd. Noor bin Haji Ahmad, P.U.P.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim, D.M.P.N.)
" " Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah, D.M.P.N., A.M.N., J.P.)
" " Kawasan Kampung Kolam (Encik Khoo Kay Por, J.P.)
" " Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman, A.M.N., P.J.K.)
" " Kawasan Sungai Bakap (Encik S.P. Chelliah, J.P.)
" " Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohamad Noor bin Haji Bakar, P.P.N., J.P.)
" " Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong, A.M.N.)
" " Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Ngak Seng *alias* Khor Gark Kim)
" " Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh *alias* Mat Noor, P.J.K.)
" " Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa, J.M.N.)
" " Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali, P.J.K.)
" " Kawasan Paya Terubong (Encik Khoo Teng Chye)
" " Kawasan Sungai Pinang (Encik Wong Choong Woh, J.P.)
" " Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed *alias* Mahmud, P.P.N.)
" " Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak, P.P.N.)
" " Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah, P.J.K.)
" " Kawasan Sungai Nibong (Dr Choong Sim Poey)
" " Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff, P.J.K.)
" " Kawasan Tasek Glugor (Encik Samsuddin *alias* Md. Noor bin Ahmad, P.J.K.)
" " Kawasan Sungai Aceh (Encik Ahmad bin Salleh, A.M.N.)
" " Kawasan Macang Bubuk (Encik Lim Heng Tee)
" " Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How)
" " Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun)
" " Kawasan Bukit Tambun (Encik Ong Bok Chuan *alias* Ng Swee Ching, A.M.N., P.J.K.)
" " Kawasan Pengkalan Kota (Encik C. Y. Choy)

TURUT HAZIR :

Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Encik Wong Hin Fatt, P.J.M.)

1. DOA

PENGUMUMAN DATUK SPEAKER

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat sekelian, saya ada dua pengumuman yang akan dibuat.

Ahli Ahli Yang Berhormat, sekarang Dewan ini saya minta bertafakur selama seminit sebagai tanda hormat kepada Allahyarham Raja Tun Uda Al-Haj bin Raja Muhammad, S.M.N., D.U.P.N., (K.B.E., C.M.G.), iaitu bekas Gabenor Pulau Pinang yang telah meninggal dunia pada 16hb Oktober, 1976.

(Semua yang hazir berdiri dan bertafakur selama seminit).

Pengumuman yang kedua ialah Dewan ini juga diminta bertafakur selama seminit sebagai tanda hormat kepada mendiang Encik V. Veerappen, bekas Ahli Yang Berhormat Dewan ini yang telah meninggal dunia baru-baru ini.
(Semua yang hazir berdiri dan bertafakur selama seminit).

2. MEMBENTANGKAN RISALAT-RISALAT

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya mohon membentangkan di atas Meja Dewan Kertas-kertas Bilangan 9 hingga 12 tahun 1976 seperti yang disenaraikan dalam Susunan Urusan Mesyuarat.

USUL DI BAWAH PERATURAN MAJLIS MESYUARAT 15 (2):

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, saya bangun di atas Peraturan 15 (2). Saya minta izin sebab saya lupa hendak bawa peraturan ini dalam Bahasa Malaysia. Di sini saya ada satu peraturan di dalam Bahasa Inggeris sahaja. Di bawah Peraturan 15 (2):

"Unless the circumstances are of an urgent nature in the opinion of the Speaker the Clerk shall, seven clear days"

—not including Sunday—

"before the day of the meeting, send to each Member of the Assembly an Order Paper containing a list of the questions, Motions, Bills and other matters at that time proposed to be dealt with at the forthcoming meeting of the Assembly."

Datuk Yang Dipertua, Susunan bagi mesyuarat ini telah tiba di rumah saya di pagi hari Jumaat. Ini bererti dua *clear days* sahaja bagi kita semua Ahli-Ahli di Dewan ini membaca Susunan, Bil-Bil, Rang Undang-Undang dan Usul. Dua hari ini adalah tidak mengikut peraturan dan tidak mengikut Undang-undang bagi mesyuarat di dalam Dewan ini. Ini tidak memberi masa yang cukup bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan ini membaca apa yang ada di dalam Susunan Mesyuarat ini. Oleh itu saya minta Datuk Speaker bolehkah tangguh sendiri Dewan ini selama dua hari atau tiga hari supaya kami boleh baca apa-apa di dalam Susunan bagi mesyuarat ini. Lagi satu perkara yang Datuk Speaker pun tentu sudah dapat tahu ialah selalu saya mahu *consult* Cikgu saya mengenai *substances* atau *materials* bagi perbaikan Rang Undang-Undang atau Usul ini. Sebab itulah di atas Peraturan 15 (2) saya mintalah Datuk Speaker sendiri. Saya tidak suka memberi satu cadangan tetapi saya minta Datuk Speaker di dalam semua mesyuarat-mesyuarat, tentu mahu ikut undang-undang dan peraturan-peraturan di dalam Dewan ini supaya kita boleh buat apa-apa *business* di dalam Dewan ini *in a proper manner*. Saya minta Datuk Speaker sendiri tangguh Dewan ini dua hari supaya kita boleh baca Susunan, Rang Undang-Undang dan Usul-Usul yang ada.

Terima kasih, Datuk Speaker.

Tuan Speaker: Terima kasih, Yang Berhormat, tetapi walau macamanapun soal berkenaan notis kita adakan mesyuarat telah dihantar dua minggu terlebih dahulu daripada itu. Semasa itu, kalau tak salah, Yang Berhormat ada di luar negeri. Oleh itu kita sudah hantar notis kepada semua orang yang berkenaan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Yang Dipertua, saya bukan kata notis tetapi Peraturan 15 (2), Datuk Yang Dipertua; bukan notis. Notis mesti diberi 21 hari—21 *clear days*—bagi semua Ahli-Ahli Dewan ini. Inilah yang saya katakan. Susunan atau *Order Paper* bagi mesyuarat ini, bukan notis.

Tuan Speaker: Baik, saya faham apa Yang Berhormat kata. Walaupun mcamanapun saya akan mengambil perhatian dan dalam mesyuarat yang akan datang kita akan tengok apa yang boleh dibuat mengenai perkara ini.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Encik Wong Choong Woh): Datuk Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Bagan Jermal telah faham samada hari ini kita bermesyuarat sungguhpun risalah atau Susunan segala kertas itu telah dikirim 5-6 hari dahulu. Kita pun sudah dapat. Ada lagi satu, Datuk Speaker, bagi pihak di sini jika ada hal yang tidak disersetujui sebelum mesyuarat Dewan Undangan Negeri kita mengadakan suatu Mesyuarat Precouncil. Jika Ahli-Ahli tidak puas hati boleh cakap pada masa itu. Kenapa bawa masuk ke sini? Jadi saya minta Datuk Speaker, perkara ini tidak boleh dikajikan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, saya dapat tahu Ahli Yang Berhormat dari Sungai Pinang telah bercakap dia ada dapat Susunan ini 5-6 hari dahulu, tetapi kami bertiga di sini mendapatnya pada pagi hari Jumaat—dua hari sahaja. Macam itu saya ingin katakan, jika apa Ahli Yang Berhormat dari Sungai Pinang cakapkan betul, inilah tidak adil. Sebab apa Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat 5-6 hari dahulu?

Lagi satu perkara yang berbangkit dari Yang Berhormat Ahli dari Sungai Pinang ialah, bukankah di dalam *precouncil* sahaja kita boleh cakap. Jika ada apa-apa perkara atau apa-apa masalah yang tidak betul bolehlah dibangkitkan dalam *precouncil*. Sebab apa kita semua mahu duduk di sini? Apa *business* kita ada di sini? Kita ada di sini sebagai Wakil Rakyat di mana kalau Kerajaan buat tidak adil, kita tentu mahu perbangkitkan. Betul atau tidak, Datuk Speaker? Bukan sahaja boleh cakap dalam *precouncil*, tapi di luar *precouncil* kita tidak boleh cakap. Ini bukan satu perkataan yang betul atau adil.

Saya sekarang mahu dapat keterangan dari Setiausaha. Adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat mendapat Susunan 5-6 hari dahulu? Five or six

clear days in advance? And why was it that we got it only two days in advance?

Penasihat Undang-undang:

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya bangun untuk memberi penjelasan supaya masaalah ini dapat diatasi. Mengikut Peraturan tersebut samada perkara itu of *urgent nature* terpulanglah kepada budi bicara Yang Berhormat Datuk Speaker sendiri. Pada pendapat saya tentang susunan Order Paper itu terpulanglah kepada Datuk Speaker untuk mengaturnya dan memberesnya sebelum ianya dapat dikelilingkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jadi memandangkan bahawa Yang Berhormat Datuk Speaker baru sahaja pulih daripada sakit dan baru sahaja keluar daripada hospital pada pendapat saya ini bolehlah dianggap sebagai satu perkara yang of *urgent nature*. Ini terpulanglah kepada budi bicara or at the discretion of Datuk Speaker himself.

Terima kasih.

Ketua Menteri: Datuk Speaker, sebelum Tuan Speaker memberi keputusan saya ingin mengambil peluang ini berucap dan saya terimalah ucapan Ahli Yang Berhormat dari Bagan Jermal.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Saya mahu dapat keterangan dari Setiausaha.

Ketua Menteri: Yang Berhormat Ahli dari Bagan Jermal telah masuk sebagai Ahli dalam Kerajaan, sebab itu beliau pun mestilah jadi *hero*. Tetapi *hero* atau tidak *hero*, dalam Dewan ini kita mesti bincang apa-apa keterangan yang adil dan apa yang patut. Kalau kita baca dengan Peraturan-Peraturan Dewan ini, kita mesti faham, apa sebab adanya Peraturan 15 (2). Sebabnya yang asas atau pertama sekali ialah supaya semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ahli-Ahli Dewan Undangan mendapat cukup masa membincang atau pertimbang dengan Susunan yang teratur. Kedua, 15 (2) memberi masa kepada Yang Berhormat Tuan Speaker melulus apa-apa Susunan mengikut *urgency*. Sebagai yang Penasihat Undang-Undang Ne-

geri telah berkata, sebablah Tuan Speaker pun tunjuklah macam mana beliau bertanggungjawab mengenai perkara-perkara Dewan ini, beliau pun keluar daripada hospital untuk datang ke pembukaan Dewan hari ini. Masa sekarang pun beliau sakit. Samada perkara ini *urgent* atau tidak *urgent* terpulanglah kepada Yang Berhormat sendiri. Tetapi di sini saya bagi keterangan yang asas. Saya fikir semua Ahli-Ahli dalam Dewan ini ada mendapat Susunan itu. Saya ingat semua Ahli ada cukup peluang dan cukup masa pertimbang. Tidak payahlah ambil peraturan di sini tunjuk di mana *urgency* boleh berbangkit. *Urgency* boleh berbangkit sebab Datuk Speaker sendiri sudah sakit dan masa sekarang pun boleh dikatakan macam masih berada dalam hospital.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Ini saya boleh terima.

Ketua Menteri: Saya harap Tuan Speaker mengambil keputusan.

Usul tidak dipersetujui.

3. (A) JAWAPAN-JAWAPAN MULUT KEPADA SOALAN-SOALAN.

(I) Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad) bertanya kepada Ketua Menteri: Datuk Speaker, soalan yang pertama.

1. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa ahli-ahli L.P.K.T., S.P./P.P. berasa sangat hampa dan gelisah disebabkan Kerajaan Negeri telah tidak membayar elauan yang tetap kepada mereka. Jika sedar, apakah langkah Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada saraan mereka?
- (1). Is the Honourable Chief Minister aware that members of L.P.K.T. Province Wellesley/Penang are very disappointed and uneasy because fixed allowances are not being paid to them by the State Government, If so, what are the steps taken by the State Government regarding their remuneration?)

Ketua Menteri: Tidak. Ahli-ahli Lembaga telah dilantik atas syarat-syarat yang ditetapkan. Apabila mereka menerima perlantikan, adalah disifatkan bahawa mereka juga menerima syarat-syarat yang ditetapkan.

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad): Datuk Speaker, soalan kedua.

2. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang supaya perlantikan ahli-ahli L.P.K.T. bagi seluruh Negeri Pulau Pinang yang ada sekarang ini dihadkan tempoh perkhidmatan mereka hingga 3 tahun sekali?
- (2). Does the State Government intend to fix the term of appointment to 3 years for the current L.P.K.T. members in Penang as well as in Province Wellesley?)

Ketua Menteri: Datuk Speaker, jawapan saya ialah "Tidak". Ahli-ahli dilantik hanya untuk setahun sahaja. Perkhidmatan-perkhidmatan mereka boleh ditamatkan pada bila-bila masa. Akan tetapi, Pihak Berkuasa Negeri boleh menimbulangkan untuk melantik semula seseorang Ahli selepas tamat tempoh perlantikannya. Ini adalah untuk membolehkan Kerajaan Negeri dan Majlis Kebangsaan bagi Kerajaan Tempatan untuk menguatkuasakan sebarang perubahan yang perlu dalam proses penyusunan semula pihak-pihak berkuasa tempatan.

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad): Datuk Speaker, soalan ketiga.

3. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa banyak kawasan-kawasan perumahan yang dibangunkan oleh pihak swasta atau pemaju-pemaju perumahan telah memberikan nama-nama tempat itu dengan sesukahati mereka tanpa merujuk lebih dahulu kepada L.P.K.T., Seberang Perai/Pulau Pinang? Jika sedar, apakah perintah Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada mereka bagi mengubah nama tempat-tempat seperti itu dengan mengikut sejarah sesuatu tempat itu?
- (3). Is the Honourable Minister aware that many of the housing estates developed either by the private sector or housing developers have been given names according to their wishes without referring it first to the L.P.K.T. Province Wellesley/ Penang? If so, what are the directions given to them by the State Government so that these places may be given proper names according to the history of the place?)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad Bin Haji Abdullah): Datuk Speaker, bagi menjawab soalan ketiga

ialah "Ya". Biasanya, adalah satu amalan sebilangan pemaju-pemaju, khasnya pemaju-pemaju besar, untuk menamakan tempat-tempat pembangunan mereka dengan sesukahati mereka. L.P.K.T. tidak mempunyai apa-apa kawalan di atas nama-nama yang tidak rasmi yang diberi kepada kawasan-kawasan pembangunan di dalam bidangkuasanya. L.P.K.T. hanya berkuasa untuk menamakan jalan-jalan selepas kelulusan Pihak Berkuasa Negeri diperolehi.

Tindakan sedang diambil oleh L.P.K.T. untuk merumuskan satu dasar di mana pemaju-pemaju hanya boleh menggunakan nama-nama tem-

pat yang diluluskan oleh L.P.K.T. Ini boleh dimasukkan sebagai salah satu syarat apabila meluluskan pelan-pelan bangunan.

L.P.K.T. pada masa-masa yang akan datang, tidak akan menerima nama-nama yang tidak sah bagi pembangunan-pembangunan perumahan yang ditunjukkan dalam pelan-pelan bangunan atau tanda-tanda nama yang dikemukakan kepada Lembaga untuk kelulusan.

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md. Noor Bin Ahmad): Datuk Yang Dipertua, soalan yang keempat.

4. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri senaraikan projek-projek Ugama dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan projek-projek lain di Pulau Pinang seperti berikut di bawah ini untuk dilaksanakan:

(a) 1.	Sekolah Ugama Rakyat	Tempat	Perbelanjaannya
2.	Mesjid-mesjid	Tempat	Perbelanjaannya
3.	Surau-surau	Tempat	Perbelanjaannya
4.	Tokong-tokong	Tempat	Perbelanjaannya
5.	Kuil-kuil	Tempat	Perbelanjaannya
(b) 1.	Tempat-tempat Perniagaan Am	Tempat	Perbelanjaannya
2.	Pasar-pasar Baru	Tempat	Perbelanjaannya
3.	Kawasan Perniagaan Khas Bumiputra	Tempat	Perbelanjaannya
(c) 1.	Sekolah-sekolah Rendah	Tempat	Perbelanjaannya
2.	Sekolah-sekolah Menengah	Tempat	Perbelanjaannya
(d) 1.	Kawasan-kawasan Perumahan Kawasan-kawasan Pertanian— (i) Mengadakan parit-parit baharu (ii) Memperbaiki parit-parit lama (iii) Mengadakan kawasan baru untuk persawahan.				

- (4). Can the Honourable Chief Minister provide a list of Religious Projects and other projects in Penang which will be implemented under the Third Malaysia Plan as follows:

(a) 1.	Religious Schools	Place	Expenditure
2.	Mosques	Place	Expenditure
3.	Surau	Place	Expenditure
4.	Temples	Place	Expenditure
5.	Indian Temples	Place	Expenditure
(b) 1.	Common sites for trading purposes	Place	Expenditure
2.	New Markets	Place	Expenditure
3.	Special trading sites for Bumiputra	Place	Expenditure
(c) 1.	Primary Schools	Place	Expenditure
2.	Secondary Schools	Place	Expenditure
(d) 1.	Housing Estates Agricultural Areas— (i) Provision of new drainage facilities (ii) Repairs on old drainage facilities (iii) Opening up of new areas for cultivation.)				

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya bolehlah beri senarai projek-projek yang dipersoalkan sebablah semua projek-projek ini telah dimasukkan di dalam buku Rancangan Malaysia Ke-

tiga dan senarai ini yang panjang sekali saya haraplah Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Tasek Glugor boleh terima jika saya hantarkan berdaftar kepada beliau.

(II) Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun) bertanya kepada Ketua Menteri: Soalan pertama. Datuk Speaker.

1. Bolehkah Kerajaan Negeri mengarahkan pihak J.K.R. mengetarkan jalan-jalan di tepi Caltex Service Station di Jalan Kulim, Bukit Mertajam?
- (1). Will the State Government direct the J.K.R. to metal the roads next to the Caltex Service Station along Jalan Kulim, Bukit Mertajam?)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad Bin Sulaiman): Datuk Yang Dipertua, Jabatan Kerja Raya tidak dapat mengambil alih penyelenggaraan, atau *maintenance* jalan-jalan di kawasan-kawasan perumahan yang terletak berhampiran dengan Stesyen Caltex di Jalan Kulim, Bukit Mertajam, kerana jalan-jalan ini masih jalan-jalan swasta dan masih belum diserahkan kepada Jabatan Kerja Raya untuk diselenggarakan.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Soalan kedua. Datuk Speaker.

2. Adakah Kerajaan menyediakan apa-pula pelan untuk membina rumah-rumah murah di Bukit Mertajam di bawah Rancangan Malaysia Ketiga?
- (2). Has the State Government drawn up any plan for the construction of low cost houses for Bukit Mertajam under the 3rd Malaysia plan?)

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Satu rancangan perumahan murah yang mengandungi kira-kira 250 unit telah pun diluluskan bagi Daerah Tengah, Seberang Perai di bawah Rancangan Malaysia ketiga.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Soalan tambahan, Tuan Speaker. Dengan izin: Will the Honourable Member for Ayer Itam please be more specific where the low-cost housing scheme is to be put in Seberang Perai? Is it in Bukit Mertajam area?

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Dengan izin, Tuan Speaker. The specific area at the present moment, as I very

clearly and specifically stated, is in the central part of the Seberang Perai. However, we are looking into the possibility of the possible site of putting the low-cost housing scheme and possibly, Berapit is one of the sites under study.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Datuk Speaker, soalan yang ketiga.

3. Bilakah Kerajaan akan menerima (adopt) Local Government Act?
- (3). When will the State Government adopt the new Local Government Act?)

Ketua Menteri: Datuk Speaker, Kerajaan Negeri sedang mengkaji dengan teliti implikasi-implikasi. Akta Kerajaan Tempatan, tahun 1976 dengan tujuan memakainya dengan seberapa segera yang boleh.

Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun): Soalan keempat, Tuan Speaker.

4. Adakah Kerajaan apa-pula pelan mengadakan Minggu Pulau Pinang di Adelaide tahun ini?
- (4). Has the Government any plan to stage a Penang Week in Adelaide this year?)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad Bin Sulaiman): Datuk Yang Dipertua, jawapannya ialah ya, Kerajaan Negeri dengan Kerjasama Kerajaan negeri-negeri Kedah, Perlis dan Perak akan mengadakan Minggu Utara Malaysia atau North Malaysia Week di Adelaide pada 15hb hingga 21hb Mac tahun hadapan.

(III) Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak) bertanya kepada Ketua Menteri:

Tuan Speaker, soalan yang pertama.

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri mengarahkan J.K.R. supaya mengadakan satu sistem mengetarkan jalan-jalanraya Negeri atau upn Federal yang lebih baik dan ekonomi kerana jalan-jalanraya pada masa sekarang biasanya berlopak dan berlubang selepas hari hujan?
- (1). Can the Honourable Chief Minister direct the J.K.R. to introduce a better and economical system of metalling roads, be it Federal or State Roads because the present roads are usually left with potholes and pools of water after the rains?)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad Bin Sulaiman): Tuan Speaker, tiap-tiap tahun J.K.R. ada rancangan untuk perbarui muka jalan-jalanraya Negeri dan Persekutuan. Rancangan ini bergantung kepada peruntukan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan. Namun demikian J.K.R. sentiasa mengambil tindakan untuk membaiki di mana terdapat jalan yang berlopak atau berlubang. Peruntukan khas juga mungkin dibuat bagi membaiki jalan yang perlu diperbarui apabila perkara tersebut dibangkitkan di Mesyuarat Tindakan Daerah. Jika Ahli Yang Berhormat ada cadangan tertentu maka perkara ini bolehlah dirujukkan kepada Pegawai Kewangan Negeri untuk pertimbangan.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim Bin Abdul Razak): Soalan kedua, Tuan Speaker.

2. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan mengapaakah projek Parit Besar di tepi Sekolah Menengah Dato Onn untuk aliran air kotor dari Pekan Bagan Ajam masih TERBENGKALAI. Ini menyebabkan nyamok banyak, air kotor bertakong dan bau busuk?
- (2) Can the Honourable Chief Minister explain why there is a delay in the implementation of a big drain project beside the Sekolah Menengah Dato Onn as drainage from Pekan Bagan Ajam. This has resulted in plenty of mosquitoes, stagnant water and bad odour?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad Bin Sulaiman): Datuk Speaker, projek ini tidak pernah terbengkalai atau pemborongnya lari. Projek ini telah siap pada 29.9.1975.

Mengenai sungutan terhadap nyamok, air-air yang bertakung di longkang-longkang yang tidak siap itu, L.P.K.T. Seberang Perai senantiasa menjalankan kerja-kerja pembersihan di kawasan yang terlibat dengan keadaan tersebut.

Soalan ini tidak harus dibangkitkan sebab projek tersebut telah siap pada 29.9.1975.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim Bin Abdul Razak):

Datuk Speaker, soalan tambahan: Menengok keadaan, saya perhatikan hanya yang siap satu parit sahaja, tetapi parit yang menyambung dengan Pekan Bagan Ajam tidak siap hingga sekarang ini dan jalan-jalan air yang harus dihubungkan sepanjang parit-parit tersebut tidak ada, dan inilah yang menjadi persoalan dan tanda tanya bagi rakyat hari ini.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad Bin Sulaiman): Tuan Speaker, untuk menjawab soalan tersebut ini adalah disebabkan pembentungan alir-keluar di hadapan pasar Bagan Ajam adalah lebih tinggi daripada parit tersebut.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim Bin Abdul Razak):

Terimakasih.

Soalan yang ketiga.

3. Adakah pihak yang berkuasa atas sekim-sekim perumahan murah di Telok Ayer Tawar, Penaga, Kepala Batas, Sungai Dua dan Tasek Glugor sedar bahawa penduduk-penduduk dalam keadaan serba susah kerana tidak mendapat kemudahan yang sembang dari segi kesihatan kerana:
 - (a) Nyamok banyak.
 - (b) Air bertakong.
 - (c) Parit besar untuk aliran air kotor dari rumah tidak ada.
 - (d) Tong sampah tidak cukup.
 - (e) Ada kawasan perumahan yang air najis meluap naik ke atas dan berbau.
 - (f) Buruh bekerja sambil lewa dan begitu juga mandornya, buruh-buruh lebih mementing bekerja di rumah mandor.
- (3) Is the authority concerned aware that residents in the low-cost housing areas in Telok Ayer Tawar, Penaga, Kepala Batas, Sungai Dua and Tasek Glugor are facing great difficulties because they were not given adequate facilities from the health point of view because:
 - (a) Mosquitoes are plentiful.
 - (b) Water left to stagnate.
 - (c) No proper drainage for effluents from houses.
 - (d) Insufficient refuse bins.
 - (e) In some housing areas, sewage overflows resulting in bad odours.
 - (f) Labourers including their mandor (overseer) are not conscientious in their duties attaching more importance to the house of the mandor.)

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Datuk Speaker, saya adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Seberang Perai sungguh sedar akan masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dan sedang mengambil langkah-langkah untuk menentukan supaya perkhidmatan-perkhidmatan pembersihan diadakan di kawasan-kawasan perumahan dari semasa ke semasa.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim Bin Abdul Razak): Terima kasih.

Soalan keempat, Datuk Speaker.

4. Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah dengan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah yang diadakan tiap-tiap dua minggu sekali itu amatlah baik dan berfaedah. Tetapi apa yang mendukacitakan Ketua-ketua jabatan hanya menghantar wakilnya yang kurang bertanggungjawab dalam beberapa masaalah untuk menghaziri mesyuarat-mesyuarat tersebut. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri mengarahkan supaya perkara ini diatasi?
- (4). The Meeting of the District Action Committee chaired by the District Officer which is held once in every 2 weeks is very appropriate and beneficial. Unfortunately, the Heads of Departments only send their representatives who are not so responsible on several matters to attend the said meetings. Can the Honourable Chief Minister direct that this problem be overcome?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, adalah menjadi dasar Kerajaan Negeri dan sebagai suatu arahan supaya Ketua-ketua Jabatan di peringkat Daerah menghaziri setiap mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah. Dalam keadaan bilangan kakitangan yang terhad, walaubagaimanapun saya akan arahkan supaya perkara ini dijalankan dan Setiausaha Kerajaan sendiri akan memberi perhatian tentang perlaksanaannya.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim Bin Abdul Razak):

Datuk Speaker, soalan kelima.

5. Bolehkah TAKLIMAT diberi kepada ahli-ahli Dewan, wakil-wakil rakyat dan senator-senator tentang kedudukan negeri dan negara dari masa ke semasa dalam semua bidang?

- (5). Can a briefing be given to State Assemblymen, Members of Parliament and Senators on all aspects of the situation of the State Country from time to time?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, ya.

(IV) Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff) bertanya kepada Ketua Menteri: Datuk Speaker, soalan yang pertama.

1. (a) Bilakah pihak Kerajaan telah mengadakan Pusat Pemulihan Dadah di Bukit Mertajam, Seberang Perai?
- (b) Siapakah Pengarahnnya?
- (c) Sudahkah Kerajaan Negeri atau Pengarahnnya menjemput secara rasmi orang-orang kenamaan, pegawai-pegawai pentadbir dan khasnya Ahli-ahli J.K.K.K. untuk melawat ke tempat pemulihan ini?
- (d) Jika belum bilakah jangkanya akan diadakan?
- (e) Jika sudah bolehkah beri serba sedikit kemajuan laporannya?
- (f) Jika pihak Kerajaan atau Pengarahnnya memikirkan tidak perlu atau tidak berfaedah menjemput mereka-mereka yang tersebut, sila beri sebab-sebabnya.
- (1. (a) When was the Drug Rehabilitation Centre set up by the Government in Bukit Mertajam. Province Wellesley?
- (b) Who is its Director?
- (c) Has the State Government or the Director concerned extended any official invitation to dignitaries, administrative officers and in particular members of J.K.K.K. to visit this rehabilitation centre?
- (d) If the invitation has not been extended, when will it be?
- (e) If it has been done please give a brief report on its progress.
- (f) If the Government or Director concerned feels that it is not necessary and will not serve any useful purpose to extend invitation to the abovementioned persons, kindly state the reasons.)

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Datuk Yang Dipertua, jawapan saya ialah, Pusat Pemulihan Dadah di Seberang Perai telah ditubuhkan pada 1hb November, 1975.

Jawapan saya kepada soalan (b), Pengetua Pusat Pemulihan Dadah ia-lah Encik Lau San Leong.

Bagi soalan 3 (c), oleh kerana Pusat ini masih belum dibuka secara rasmi maka pelawat-pelawat tidak dijemput untuk melawat ke Pusat itu. Akan tetapi, Yang Berhormat Datuk Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang sendiri, ahli-ahli pertubuhan-pertubuhan di Bukit Mertajam, guru-guru, murid-murid dan sebagainya pernah membuat lawatan secara persendirian.

Jawapan saya kepada soalan (d) ialah, oleh kerana Kementerian Kebajikan Am yang menubuhkan Pusat ini maka terserahlah kepada Kementerian itu untuk menetapkan tarikh pembukaan rasmi.

Dan bagi menjawab soalan (e), walaupun Pusat ini tidak dibuka secara rasmi, namun demikian ianya masih berjalan. Pada masa sekarang terdapat 99 orang yang mendiami di sana, yang terdiri dari orang Melayu: 62 orang; orang Cina: 28 orang dan orang India 9.

Kepada soalan (f), jawapan saya ialah, jika Pusat ini mengadakan pembukaan rasminya dan sebagainya, pihak Pusat akan menjemput orang-orang kenamaan yang tersebut di atas.

Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya Bin Haji Mohamed Yusoff):

Terima kasih Datuk Yang Dipertua. Soalan kedua, bahagian (a) dan (b).

2. (a) Adakah Kerajaan merancangkan untuk memperbesarkan dan melebarkan Jalan Raya, Jalan Sungai Nipah, Simpang Empat, Balik Pulau dari pekan Simpang Empat ke Simpang Sungai Burong, Balik Pulau, yang jauhnya lebih-kurang suku batu sahaja?
 - (b) Kalau tidak ada rancangan, tolong beri sebab-sebabnya.
- (2. (a)) Does the Government plan to extend and widen the Sungai Nipah Road, Simpang Empat, Balik Pulau from Pekan Simpang Empat to Simpang Sungai Burong, Balik Pulau which is about $\frac{1}{4}$ mile long only?
 - (b) If there is no such plan, why?)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad Bin Sulaiman): Datuk Speaker, untuk menjawab bahagian (a) jawapan adalah "Tidak".

Bahagian (b), adalah difikirkan bawa jalan-jalan yang ada sekarang sudah mencukupi kerana kenderaan-kenderaan yang menggunakan jalan-jalan tersebut tidak begitu sesak buat masa ini melainkan pada waktu sekolah sahaja.

Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahaya Bin Haji Mohamed Yusoff):

Datuk Yang Dipertua, saya berharap atas perkara ini diminta pihak Kerajaan memberi pertimbangan yang teliti kerana pada pendapat penduduk-penduduk di kawasan ini, perkara ini sangat merbahayakan sebab lebarnya lebih-kurang dalam 13 kaki sahaja. Jalan ini sentiasa digunakan oleh penduduk-penduduk di kawasan ini lebih-lebih lagi digunakan oleh murid-murid dari 3 buah sekolah di kawasan tersebut iaitu murid dari Sekolah Sri Balik Pulau muridnya tidak kurang daripada 800 orang, murid Sekolah Kebangsaan Genting 300 orang dan murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tar Thong 150 orang. Jadi murid yang menggunakan jalan ini lebih daripada 1,000 orang. Pada harapan penduduk-penduduk di Kawasan ini perkara ini, dapatlah dipertimbangkan dengan teliti dan dihalusi lagi kerana sebelum terjadi sesuatu yang merbahaya kepada penduduk-penduduk di kawasan itu haruslah Kerajaan bertimbangrasa terlebih dahulu sebab jika manakala sudah berlaku kemalangan barulah Kerajaan mengambil tindakan maka akan ditempelak oleh rakyat pada pentadbiran Kerajaan kita.

Sekian, terima kasih.

Soalan yang ketiga, Datuk Yang Dipertua.

3. Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk membina semula sebuah Dewan Orangramai di Balik Pulau untuk menggantikan sebuah Balai Raya yang sedia ada kerana Balai Raya ini sudah tidak mencukupi kegunaan orangramai yang setiap masa menggunakanannya?
- (3.) Does the Government intend to construct a Community Hall at Balik Pulau to replace the existing Community Hall at Balik Pulau because the present hall does not meet with the requirements of the public?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, Kerajaan belum lagi bercadang untuk

membina semula sebuah dewan orang ramai atau balai rakyat di Balik Pulau. Walau bagaimanapun cadangan Ahli Yang Berhormat akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Belanjawan untuk tahun depan dan perkara ini Yang Berhormat Ahli pun sedar kita pun selalu pertimbangkan bolehkah di dalam R.M.T. boleh kita jalankan sebuah Balai Rakyat bukan sahaja di kawasan Balik Pulau tetapi juga di kawasan lain.

Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahaya Bin Haji Mohamed Yusoff): Terima kasih, Datuk Yang Dipertua, dan di atas nama wakil penduduk kawasan itu, oleh kerana Balai Rakyat yang ada di Kawasan Balik Pulau adalah sangat sempit dan selalu digunakan oleh penduduk-penduduk di sana, diharap walau macamanapun mendapat pertimbangan.

Datuk Yang Dipertua, soalan yang keempat.

4. (a) Apakah yang telah terjadi berkenaan dengan Siasatan Tanah Sawah di Mukim H, Sungai Burong dan Mukim I, Kampung Perlis, Balik Pulau, Pulau Pinang, yang luasnya kira-kira 1991 ekar untuk menukar tanaman dari sawah padi ke tanaman lain: kelapa koko, nenas dan sebagainya?
- (b) Adakah pihak Jabatan Parit dan Talair dan Jabatan Pertanian berikhtiar bagi memberi satu-satu cara pertolongan untuk membolehkan tanah sawah ini jangan terbiasa begitu sahaja dengan tidak sebarang hasil didapati?
- (4. (a) What has happened to the Land Survey of Padi fields in Mukim H, Sungai Burong and Mk. I, Kampung Perlis, Balik Pulau, Penang which total approx. 1991 acres for conversion to other types of cultivation?

1. Bilakah peruntukan sebanyak \$36,000.00 (Tiga Puluh Enam Ribu Ringgit) bagi projek mendirikan sekolah Ugama bertempat di Pokok Tampang, Tasek Glugor akan diluluskan oleh Kerajaan untuk dilaksanakan pembinaannya?
2. Bilakah peruntukan sebanyak \$50,000.00 (Lima Puluh Ribu Ringgit) bagi projek pembinaan Dewan Ramai bertempat di Tasek Glugor itu akan dilulus dan dilaksanakan oleh Kerajaan?
3. Bilakah projek-projek jalanraya bagi tempat-tempat seperti berikut di bawah ini akan memulakan pembinaannya:
 - (a) Jalan Masuk ke Kampong Ekor Kuching, Tasek Glugor;
 - (b) Jalan Masuk ke Kampong Jenereh, Kubang Menerong dan Pokok Machang, Tasek Glugor;
 - (c) Jalan dari Permatang Bertam dekat Jerat Hindu ke Jalan Lahar Bubu, Kepala Batas;
 - (d) Jalan Kampung Permatang Manggis, Kepala Batas.

vation such as coconut, cocoa, pineapples, etc.?

- (b) Does the Drainage & Irrigation Department and Department of Agriculture intend to help in any way so that the padi fields are not left as they are, without any profitable returns?)

Ketua Menteri: Datuk Speaker, bagi (a), Jabatan Pertanian telah menjalankan satu kajian di atas kesesuaian tanah dan didapati bahawa kawasan yang berkenaan itu hanya sesuai untuk tanaman padi sahaja walaupun sistem pengairan telah ditukarkan kepada sistem saliran.

Soalan bahagian (b), buat masa sekarang, Jabatan Pertanian sedang menjalankan satu kajian sosio-ekonomi untuk pemulihan tanah tersebut. Keputusan belum lagi diketahui. Semenara itu Pejabat Daerah telah juga meminta Universiti Sains Malaysia bekerjasama dengan Kerajaan supaya menjalankan satu kajian di atas tanah tersebut. Kajian itu sudahpun selesai tetapi belum lagi dipanjangkan pada pengetahuan Pejabat Daerah.

Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahaya Bin Haji Mohamed Yusoff): Terima kasih, Datuk Yang Dipertua.

3. (B) JAWAPAN-JAWAPAN BER-TULIS KEPADA SOALAN-SOALAN.

Ketua Menteri: Datuk Speaker, jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan adalah dibentangkan di atas Meja Dewan.

(I) Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad) bertanya kepada Ketua Menteri:

4. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk mengambil alih semua Sekolah-sekolah Ugama Rakyat yang ada pada masa ini untuk diletakkan di bawah satu pentadbiran?
5. Bilakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan membangunkan sebuah Sekolah Ugama Islam Negeri di Negeri Pulau Pinang?
6. Sepertimana Y.A.B. maklum, jumlah bilangan kerusi ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang sekarang ialah 27, walhal perkara 11 Perlembagaan Negeri masih 24. Saya ingin tahu samada satu Enakmen telah dibuat di bawah perkara 11, Perlembagaan Negeri bagi menyamakan dengan keadaan yang ada sekarang.
7. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa dengan perlantikan Pegawai-pejawai Daerah bagi seluruh Negeri Pulau Pinang sebagai ahli Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, kedudukan taraf dan kuasa mereka secara tidak langsung telah diberikan kepada Pengerusi-pengerusi L.P.K.T. S.P./P.P. Jika Y.A.B. Ketua Menteri sedar, adakah atau tidak Kerajaan Negeri akan melakukan perubahan kepada perlantikan mereka?

Ketua Menteri:

1. Kerajaan Negeri memohon kelulusan Kerajaan Pusat untuk membina sekolah Ugama di Pokok Tampang, Tasek Glugor pada 30.11.74. Kelulusan masih belum diterima lagi. Projek ini akan dilaksanakan apabila peruntukan kewangannya diterima.
2. Pegawai Daerah, Butterworth sedang memilih satu tapak dan J.K.R. telah diminta menyediakan satu pelan untuk pembinaan Dewan Orang Ramai.
3. (a) Jalan masuk ke Kampong Ekor Kuching, Tasek Glugor telahpun dibaiki baru-baru ini di bawah projek kecil Negeri.
 (b) Siasatan akan dijalankan mengenai cadangan projek Jalan Masuk ke Kampung Pokok Jenereh, Kubang Menerong—Pokok Machang, Tasek Glugor dan sekiranya manasabah akan dikemukakan dalam kajian semula Rancangan Malaysia Ketiga.
 (c) Projek jalan dari Permatang Bertam dekat Jerat Hindu ke Jalan Lahar Bubu, Kepala Batas telahpun dikemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri sebagai projek-projek jalan luar-bandar di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Kelulusan mengenainya masih dinanti.
 (d) Jalan Kampong Permatang Manggis, Kepala Batas telahpun dikemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri sebagai projek-projek jalan luar bandar di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Kelulusan mengenainya masih dinanti.
4. Sekolah Ugama Rakyat di Negeri Pulau Pinang ini adalah Sekolah bersendirian dan bebas. Kerajaan Negeri tidak ada kuasa untuk mengambil alih semua Sekolah-sekolah Ugama Rakyat yang ada pada masa ini untuk diletakkan di bawah satu pentadbiran. Perkara ini akan dirujuk kepada Majlis Ugama dan Kementerian Pelajaran.
5. Kerajaan Negeri belum ada rancangan untuk membangunkan sebuah Sekolah Ugama Negeri di Negeri Pulau Pinang. Perkara ini akan dirujuk kepada Kementerian Pelajaran.
6. Satu Enakmen Pulau Pinang No. 7 tahun 1973 telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada 16hb November, 1973 di bawah peruntukan-peruntukan Perkara 11 Perlembagaan Negeri Pulau Pinang yang menguntukkan 27 orang ahli di dalam Dewan Undangan Negeri mulai 3hb Januari, 1974.
 Tindakan akan diambil untuk memasukkan pindaan ini apabila edisi-edisi Perlembagaan Negeri yang disemak semula dicetakkan.
7. Tujuan melantik Pegawai-pejawai Daerah sebagai ahli Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan ialah untuk menentukan penyelaras yang lebih-erat di antara Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan dengan Pejabat-pejabat Daerah demi kepentingan penduduk. Tidak ada kekurangan sama sekali dalam kedudukan taraf dan kuasa Pegawai-pejawai Daerah akibat perlantikan ini.

(II) Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun) bertanya kepada Ketua Menteri:

1. Bagaimanakah kemajuan berkaitan dengan pengeluaran Suratan Hakmilik bagi rumah-rumah murah di Taman Sentosa di Bukit Mertajam?
2. Bolehkah Peringkat 1A Kompleks Tun Abdul Razak diselesaikan dalam masa yang ditetapkan iaitu pada penghujung 1976. Kalau tidak, beri sebab-sebabnya.
3. Apa terjadi kepada kapal "Catamaran"? Adakah Kerajaan ingin menjual kapal itu kerana ianya tidak memberi apa-apa faedah kepada rakyat?

Ketua Menteri:

1. Tindakan akan diambil untuk mengeluarkan hakmilik-hakmilik kepada pembeli rumah-rumah yang asal yang masih memiliki. Berkenaan dengan pembeli-pembeli yang lain, siasatan masih dijalankan untuk menentukan tuan-tuanpunya yang sah supaya hakmilik-hakmilik itu dikeluarkan kepada mereka.
2. Ya. Peringkat 1A akan siap sedia untuk diduduki dalam bulan November, 1978.
3. Kapal "Catamaran" sedang diperbaiki buat masa sekarang. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang akan terus mengguna kapal "Catamaran" bagi tujuan kemanjangan pelancungan. Kerajaan mungkin menimbangkan untuk menjual kapal tersebut apabila ianya tidak dapat membawa apa-apa faedah kepada umum.

(III) Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak) bertanya kepada Ketua Menteri:

1. Adakah Kerajaan sedar bahawa akibat kelalaian pihak berkuasa Sekim Perumahan Murah, terdapat tunggakan-tunggakan sewa yang berpuluhan-puluhan bulan. Sepatutnya penghuni-penghuni yang berkenaan patut diingatkan atas apa-apa tunggakan sewa.

Bilakah Kerajaan Negeri akan melantik dua syarikat guaman untuk mengambil tindakan undang-undang di atas perkara ini?

Ketua Menteri:

1. Ya. Pentadbiran Perumahan Murah selalu cuba mengutip bayaran-bayaran bulanan. Akan tetapi, penghuni-penghuni tidak memberi sumbangan yang baik. Ini tidaklah boleh disifatkan sebagai kelalaian semata-mata oleh pihak berkuasa yang berkenaan. Sebenarnya, notis-notis untuk tunggakan-tunggakan sewa telah dihantarkan kepada penghuni-penghuni yang berkenaan diikuti pula dengan surat-surat amaran bahawa tindakan di sisi undang-undang akan diambil untuk mendapat balik tunggakan-tunggakan sekiranya ianya tidak dijelaskan. Oleh kerana surat-surat amaran ini tidak memberi apa-apa kesan, maka 2 syarikat guaman telah dilantik pada 8.3.1976 untuk mengambil tindakan di sisi undang-undang bagi mendapat balik tunggakan sewa.

Kerajaan Negeri bertujuan untuk menubuhkan satu Pihak Berkuasa Perumahan Negeri atau setarafnya untuk memperbaiki pentadbiran perumahan murah. Perkara ini sedang dibincangkan bersama Kementerian-kementerian yang berkenaan di peringkat Persekutuan.

(I) The Member for Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad) asks the Chief Minister:

1. When will a sum of \$36,000.00 (Thirty six thousand dollars) provided for the construction of a Religious School in Pokok Tampang, Tasek Glugor be approved for implementation by the State Government?
2. When will a provision of \$50,000.00 (Fifty thousand dollars) for the construction of a Community Hall in Tasek Glugor be approved and implemented by the Government?
3. When will construction work on road projects begin in the following places:
 - (a) Access Road to Kampung Ekor Kuching, Tasek Glugor;
 - (b) Access Road to Kampung Pokok Jenereh, Kubang Menerang and Pokok Machang, Tasek Glugor;
 - (c) Road from Permatang Bertam beside the Hindu Cemetery to Jalan Lahar Babu, Kepala Batas?
 - (d) Road in Kampung Permatang Manggis, Kepala Batas.
4. Does the State Government intend to take over all existing Religious Schools so that they be placed under a single administration?
5. When will the State Government construct a State Islamic Religious School in the State of Penang?
6. As informed by the Honourable Chief Minister, the number of member of the State Legislative Assembly, Penang at present totalled 27 while Clause 11 of the State Constitution still provides for 24. I would like to know as to whether an Enactment has been prepared under Clause 11 of the State Constitution to bring it into conformity with the present situation.
7. Is the Honourable Chief Minister aware that the appointment of District Officers in the State of Penang as members of LPKT has indirectly resulted in a handing over of their status and authority to the Chairman of LPKT Province Wellesley/ Penang. If the Honourable Chief Minister is aware, will the State Government make any amendment to their appointment?

Chief Minister:

1. The State Government applied to the Central Government for approval to construct the religious school in Pokok Tampang, Tasek Glugor on 30-11-74. Approval has not yet been received. This project will be implemented when its financial provision is obtained.
2. District Officer, Butterworth is in the process of selecting a site and the P.W.D. has been asked to prepare a plan for the construction of the Dewan Orang Ramai.
3. (a) The road leading to Kampung Ekor Kuching, Tasek Glugor had been repaired recently under the State Minor project.
 (b) A study will be carried out with regards to the proposed access road to Kampung Pokok Jenerah, Kubang Menerang—Pokok Machang, Tasek Glugor and if considered viable, will be submitted in a review of the Third Malaysia Plan.
 (c) The road from Permatang Bertam beside the Hindu Cemetery to Jalan Lahar Bubu, Kepala Batas had been submitted to the Prime Minister's Department as rural road projects under the Third Malaysia Plan. Its approval is still being awaited.
 (d) Jalan Kampung Permatang Manggis, Kepala Batas had been submitted to the Prime Minister's Department as rural road projects under the Third Malaysia Plan. Its approval is still being awaited.
4. Religious Schools in the State of Penang are private and independent schools. The State Government does not have any authority to take over all existing religious schools so that they be placed under one administration. The subject will be referred to the Majlis Ugama and the Ministry of Education.
5. The State Government does not have any plans as yet to construct a State Islamic Religious School in Penang. This subject will be referred to the Ministry of Education.
6. A Penang State Enactment No. 7 of 1973 was passed by the State Legislative Assembly on 16th November 1973 under the provisions of Article 11 of the Penang State Constitution providing for 27 members in the State Legislative Assembly with effect from 3rd January, 1974.
 Action will be taken to incorporate this amendment when revised editions of the State Constitution are printed.
7. The purpose of appointing District Officers as members of the L.P.K.Ts is to ensure better co-ordination between the L.P.K.Ts. and the District Offices in the interest of the people. The status and authority of the District Officers are in no way eroded because of this appointment.

(II) The Member for Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun) asks the Chief Minister:

1. What is the progress made with regard to the issue of Title Deeds to the low cost houses in Taman Sentosa in Bukit Mertajam?
2. Will phase 1A of the Complex Tun Abdul Razak be completed as scheduled i.e. at the end of 1976?
 If it cannot be completed as scheduled, give reasons for the delay.
3. What has happened to the Catamaran house-boat?
 Will the Government consider selling the boat as it has not brought any benefit to the public?

Chief Minister:

1. Action is being taken to issue titles to the original purchasers of the houses who are still in occupation. As regards the other purchasers, investigation is still proceeding to verify the rightful owners so that titles can be issued to them.
2. Yes.
 Phase 1A will be ready for occupation in November, 1976.
3. The Catamaran houseboat is being reconditioned at the moment. The Penang Development Corporation will continue to use the Catamaran houseboat for tourism promotion purpose. The Government may consider selling the boat when it does not bring benefit to the public.

(III) The Member for Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak) asks the Chief Minister:

1. Is the Government aware that due to negligence on the part of the Low Cost Housing Authorities, there are a few months' arrears of rent which have not been collected. In fact, the residents concerned should be reminded on any out-

standing rentals. When will the State Government appoint 2 legal firms to enforce legal action on this matter?

Chief Minister:

1. Yes. The Administration for the Low Cost Housing has always attempted to collect monthly repayments. However, the tenants have not responded well. This should not be construed to be negligence on the part of the Authority concerned. As a matter of fact notices for arrears of payment have been sent out to the occupiers concerned followed by warning letters that legal action will be taken to recover the arrears if these are not settled. As these warning letters did not have the desired effect, 2 legal firms were appointed on 8-3-1976 to take legal action to recover the arrears of payment.

The State Government intends to set up a State Housing Authority or its equivalent to improve upon the administration of low cost housing. This matter is being discussed with the relevant Ministries at Federal level.

4. RANG UNDANG-UNDANG.

(1) Rang Undang-undang Pindaan Perlembagaan, 1976.

Bacaan Yang Pertama

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-Undang bernama "Enakmen Perlembagaan (Pindaan), tahun 1976", dibaca bagi kali yang pertama.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Encik Ahmad Bin Salleh): Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

Rang Undang-Undang dibaca bagi kali yang pertama.

Tuan Speaker: Bacaan kali kedua hari apa?

Ketua Menteri: Tuan Speaker, sekarang juga.

Tuan Speaker: Baiklah.

Bacaan Yang Kedua

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-Undang bernama "Enakmen Perlembagaan (Pindaan), 1976", dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Perlembagaan Negeri kita dan undang-undang Negeri lain yang berbangkit dari pindaan-pindaan yang dibuat oleh Parlimen kepada Perlembagaan Persekutuan Malaysia oleh Akta Perlembagaan (Pindaan) 1976 (Akta A 354). Akta tersebut mula berkuatkuasa pada 26hb Ogos, 1976.

Fasal 2 Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk membolehkan Enakmen ini berkuatkuasa kebelakangan mulai 27hb Ogos, 1976, iaitu sehari selepas Akta Perlembagaan (Pindaan), pada tahun 1976 dikuatkuasakan.

Fasal 3 Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Fasal (1) Perkara 4 bagi mengadakan peruntukan bahawa sumpah jawatan bagi Yang Dipertua Negeri hendaklah diangkat dan ditandatangani di hadapan Hakim Besar atau di hadapan seorang Hakim Mahkamah Tinggi.

Tuan Speaker, Fasal 4 Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda perkataan "Muslim religion" dan "Muslim religious affairs" yang terdapat dalam Perkara 5 supaya dibaca sebagai "religion of Islam" dan "Islamic religious affairs". Pindaan ini tidak perlu dibuat dalam teks Perlembagaan dalam bahasa kebangsaan yang ada sekarang oleh kerana terjemahan bagi "Muslim" dan "Islamic" adalah sama sahaja iaitu "Islam" dan perkataan ini telah sedia terdapat dalam teks Perlembagaan dalam bahasa kebangsaan yang ada sekarang.

Tuan Speaker, Fasal 5 Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda perkataan-perkataan "suatu negeri asing" yang terdapat dalam (1) (g) Perkara 13 supaya dibaca sebagai "mana-mana negeri luar Persekutuan". Dalam peruntukan-peruntukan yang ada sekarang ini perbahasan "suatu negeri asing" tidaklah termasuk mana-mana bahagian Komawel atau Republik Ireland. Pindaan ini menghapuskan perbedaan dalam Perkara ini yang ada sekarang

berhubung dengan negeri-negeri Komawel dan negeri-negeri bukan Komawel.

Tuan Speaker, Fasal 6, 7 dan 8 Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Perkara-Perkara 30, 31 dan 32 bagi menggantikan “kepalaku” perbelanjaan dengan “maksud-maksud” perbelanjaan. Perkataan “berasingan-berasingan” yang terdapat dalam Fasal (2) Perkara 30 akan dipotong untuk memberi kelonggaran kepada Perbendaharaan berkenaan dengan bentuk dalam mana anggaran-anggaran perbelanjaan akan disediakan.

Dan Fasal 9 Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Fasal (1) Perkara 36 dengan memasukkan tafsiran bagi perkataan-perkataan “Yang di-Pertua Negeri”.

Tuan Speaker, Fasal 10 Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda perkataan “Gabnor” di mananya jua ianya terdapat dalam Perlembagaan, kecuali dalam Bahagian V, supaya dibaca sebagai “Yang Di Pertua Negeri.” Pindaan ini tidak menyentuh peruntukan peralihan dalam Bahagian V yang sudah digunakan dan yang patut dikenalkan bagi sebab sejarah.

Tuan Speaker, Fasal 11 Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda butiran 1 bagi Jadual Pertama bagi mengadakan peruntukan dalam sumpah jawatan bagi Yang Di Pertua Negeri bahawa Yang Di Pertua Negeri akan juga memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Fasal 12 Rang Undang-Undang ini membuat pindaan-pindaan tertentu kepada undang-undang Negeri yang lain yang berbangkit dari pindaan-pindaan yang dibuat kepada Perlembagaan dengan menggantikan perkataan-perkataan “Gabnor”, “Muslim”, “Muslim court”, “Muslim law”, Muslim religion”, “Muslim religious affairs”, “Muslim revenue”, dan “Muslim Wakafs” dengan perkataan-perkataan atau perbahasaan “Yang di-Pertua Negeri”, “Islamic”, Syariah court”,

“Islamic Law”, “religion of Islam”, “Islamic religious affairs”, “Islamic religious revenue”, dan “wakaf-wakaf” masing-masing. Kecuali perkataan “Gabnor”, pindaan ini hanya dipakai untuk bahasa Inggeris undang-undang Negeri yang belum lagi di terjemahkan ke bahasa kebangsaan.

Oleh kerana pindaan-pindaan yang terkandung di dalam Rang Undang-Undang ini dibuat maksud menyelaraskan Perlembagaan Negeri kita dengan peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan, khasnya Jadual Kelapan, saya yakin semua Ahli-ahli Yang Berhormat akan menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-Undang ini. Bagaimanapun, ingin saya mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini bahawa mengikut fasal-fasal kecil (3) dan (4) Fasal 35 di dalam Perlembagaan Negeri kita Rang Undang-Undang ini tidak perlu diluluskan dengan undi sebanyak tidak kurang dari 2/3 jumlah ahli-ahli Dewan ini. Satu *majority* saja adalah mencukupi.

Tuan Speaker, saya mohon mendadangkan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Encik Ahmad Bin Salleh): Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker: Dewan dibuka untuk dibahaskan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, saya mohon menyokong Rang Undang-Undang ini tetapi saya dengan sukacita mengucap sedikit berkenaan prinsip Rang Undang-Undang ini. Saya haraplah Datuk Speaker boleh mengizinkan saya bercakap sedikit dalam bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia juga.

Saya ada dua soalan berbangkit berkenaan Rang Undang-Undang ini. Soalan Yang Pertama ialah berkenaan “Constitution amendments”. Saya haraplah “Constitution amendments” ini, seperti Yang Amat Berhormat ada bercakap, mahu 2/3 majority baru boleh diluluskan. Inilah satu perkara yang penting dan besar. Dengan itulah saya harap jika lau lain kali kita mahu buat apa Rang Undang-Undang ber-

kenaan "Constitution amendments" saya haraplah boleh beri sedikit masa berkenaan perkara lain. Semua perkara di dalam Rang Undang-Undang ini saya bersetuju penuh. Saya tidak ada apa mahu cakap di dalam Rang Undang-Undang ini. Tetapi saya mahu cakap berkenaan prinsipnya sahaja. Bolehkah beri saya sedikit masa lain di mana saya boleh bercakap dan kita boleh pertimbangkan?

Lagi satu soalan ialah berkenaan peraturan. Jikalau nama "Tuan Yang Terutama Gabnor" ditukarkan kepada "Tuan Yang di-Pertua Negeri", Peraturan ini di mana-mana nama Tuan Yang Terutama Gabnor ada sini ia automatically ditukar bagi Yang di-Pertua Negeri. Tidak guna lagi satu kali kita adakan Standing Order Committee Meeting bagi menukar nama ini. Ini satulah cadangan saya. Di mana peraturan itu has the name of the Tuan Yang Terutama Gabnor, it will automatically be changed to Tuan Yang di-Pertua Negeri.

Ini sahajalah saya menyokong.

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya fikir perkara inipun telah ditimbang dengan teliti oleh Yang Berhormat daripada Kawasan Bagan Jermal. Sebagai yang kita tahu beliau pun sokong penuh fasal-fasal ini semua dan masapun nampak memang cukup. Tetapi masaalah-masaalah yang berbangkit telah diperbincangkan beberapa tahun bukan saja di dalam Dewan Rakyat tetapi perkara ini sudah dipertimbangkan dan diambil keputusan di dalam majlis raja-raja, barulah Usul-Usul boleh dibangkitkan di dalam Dewan Rakyat. Dan Saya ucaplah banyak terimakasih kepada semua Ahli-ahli dan oleh sebab Rang Undang-Undang ini telah diluluskan di dalam Dewan Rakyat, dalam Dewan ini tidak payahlah kita dapatkan majority 2/3, tetapi eloklah kalau semua Ahli-ahli menyokong dengan Rang Undang-Undang ini. Jika Rang Undang-Undang ini telah diluluskan nama Tuan Yang Terutama Gabnor yang ada tentulah berikut Rang Undang-Undang Perlembagaan di mana ianya mestilah ditukar menjadi Tuan

Yang di-Pertua Negeri. Jadi di sini saya mengambil peluang beri keterangan pada Dewan ini, sungguhpun masaalah ini telah diperbincangkan dengan negeri-negeri Melaka, Sarawak dan Sabah, yang mana kita haraplah kita boleh ambil keputusan dalam masa yang sama, tetapi berikutnya surat pekeliling daripada Ketua Setiausaha Negara dan selepas Peguam Negara, kita mestilah menerima masa yang mana Rang Undang-Undang Pindaan Perlembagaan telah dikuatkuasa di dalam Dewan Rakyat iaitu 27hb Ogos, tahun ini.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang kedua.

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini kini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk tujuan menimbangkan Rang Undang-undang ini sefasal demi sefasal.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Encik Ahmad Bin Salleh): Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Rang Undang-undang dalam Jawatankuasa

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Fasal 1, Fasal 2, Fasal 3, Fasal 4, Fasal 5, Fasal 6, Fasal 7, Fasal 8, Fasal 9, Fasal 10, Fasal 11 dan Fasal 12, tajuk penuh dan fasal yang mengundangkan menjadi sebahagian dari pada Rang Undang-undang.

Dewan bersidang semula.

Bacaan Yang Ketiga

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya mohon melapurkan bahawa Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan), tahun 1976, telah pun dipertimbangkan sefasal demi sefasal di dalam Jawatankuasa, dan dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-un-

dang ini sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Encik Ahmad Bin Salleh): Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

Soalan dikemukakan dan dipersetuju.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

4. (2) Rang Undang-undang Perbelanjaan Tambahan (1976) (No. 1), 1976.

Bacaan Yang Pertama

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama "Suatu Enakmen bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi maksud-maksud yang tertentu," dibacakan bagi kali yang pertama.

Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdullah Bin Mohamed): Datuk Speaker, saya wakil Penanti mohon menyokong.

Rang Undang-undang dibaca kali yang pertama.

Ketua Menteri: Tuan Speaker, menurut syarat-syarat peraturan Majlis Mesyuarat 59, saya memberi kenyataan bahawa bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang ini akan dicadangkan dengan serta-merta.

Bacaan Yang Kedua

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-Undang bernama "Suatu

Enakmen bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1976 dan bagi memperuntukan wang itu bagi maksud-maksud "yang tertentu" dibacakan bagi kali yang kedua.

Datuk Speaker, tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberi Kuasa Berkanun kepada Kerajaan Negeri bagi memperuntukkan perbelanjaan tambahan sebanyak \$59,000 untuk perkhidmatan tahun 1976. Butir-butir perbelanjaan ini, bersama-sama dengan huraiannya, adalah dibentangkan di dalam Dewan ini sebagai Kertas No. 9 tahun ini.

Rang Undang-Undang ini bertujuan memperuntukkan satu peruntukan tambahan sebanyak \$59,000 bagi Pecahan-Kepala 4100 yang dibayar secara pindahan yang tidak diuntukan dengan secukupnya bagi Anggaran Biasa. Sejumlah \$350,000 telahpun di-peruntukkan dalam Belanjawan Biasa 1976 untuk menemui perbelanjaan ini yang mana \$312,360 telah dibelanjakan dan \$96,640 telah digunakan.

Peruntukan tambahan sebanyak \$59,000 diperlukan untuk menemui bayaran segera banuan khas bagi keluarga-keluarga miskin yang meminta bantuan daripada Jabatan Kebajikan Am.

Sehingga hari ini, 1,488 keluarga telah menerima bantuan am sejumlah \$33,964 sebulan daripada Jabatan Kebajikan Am dan 636 kes-kes baru yang meminta untuk bantuan kewangan telah pun didaftarkan. Huriaian bantuan yang diberi kepada keluarga-keluarga miskin adalah seperti berikut:

	Bil. Keluarga	Bantuan bagi setiap bulan
Daerah Timur Laut ...	428	\$ 9,740.00
Daerah Barat Daya ...	243	5,601.00
Daerah Seberang Perai Utara ...	380	9,722.00
Daerah Seberang Perai Tengah ...	291	6,080.00
Daerah Seberang Perai Selatan ...	146	2,821.00
<i>Jumlah</i>	<hr/> <hr/> 1,488	<hr/> <hr/> \$33,964.00

Selain daripada memberi bantuan kewangan kepada keluarga-keluarga miskin, Jabatan Kebajikan Am juga memberi bantuan kepada mangsa-banjir dan ribut untuk membaiki rumah-rumah mereka dan juga kepada mangsa-mangsa malapetaka alam yang lain. Pakaian seragam sekolah dan bayaran-bayaran peperiksaan juga diberi kepada pelajar-pelajar dari keluarga-keluarga yang miskin.

Seterusnya, Kerajaan Negeri memberi bantuan kewangan kepada nelayan-nelayan Kampung Juru yang mana penghidupan mereka telah terancam akibat pencemaran Sungai Perai.

Adalah menjadi dasar Kerajaan Negeri untuk terus memberi bantuan kewangan sedemikian kepada keluarga-keluarga miskin akibat aliran kemererosotan ekonomi dan kesan-kesan stagflasi dan juga kepada mangsa-mangsa malapetaka alam untuk mengatasi masaalah-masaalah sosio ekonomi dan kesusahan mereka, dan beberapa kali dalam Dewan ini Kerajaan pun telah meluluskan pinjaman. Kalau wang yang kita meluluskan tidak cukup kita boleh balik kepada Dewan ini memintalah perbelanjaan tambahan.

Oleh yang demikian, Ahli-ahli Yang Berhormat tentu akan menghargai bahawa ini adalah satu bukti kukuh akan keazaman Kerajaan bagi memenuhi tanggungjawab untuk berkhidmat demi kepentingan rakyat kita, khasnya mereka-mereka yang miskin, dan untuk membantu mereka-mereka dalam masa-masa kesusahan.

Datuk Speaker, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdullah Bin Mohamed): Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker: Dewan dibuka untuk dibahas.

Soalan dikemukakan dan diperse-tujui.

Rang Undang-Undang dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang dalam Jawatankuasa Perbekalan

Wang sebanyak \$59,000 untuk Ketua B. 12 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Jadual, Fasal 1, Fasal 2 dan tajuk penuh dan fasal yang mengundangkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Dewan bersidang semula

Bacaan Yang Ketiga

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya mohon melapurkan bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan tambahan, tahun 1976 (No. 1) 1976, telahpun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Soalan dikemukakan dan diperse-tujui.

Rang Undang-Undang dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

5. USUL-USUL

(A) Usul oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri:

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini menyokong Rancangan Malaysia Ketiga dan akan melaksanakannya dalam Negeri ini mengikut jadual."

Tuan Speaker, Rancangan Malaysia Ketiga telahpun dibentangkan di dalam Parlimen oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 19hb Julai, 1976. Ahli-ahli Yang Berhormat telahpun diberikan taklimat di atas penyertaan Kerajaan Negeri terhadap rancangan tersebut. Oleh yang demikian, tujuan-tujuan Rancangan Malaysia Ketiga tentulah telah difahami oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Rancangan Malaysia Ketiga bagi tempoh 1976—1980 ini yang telah disediakan bagi Negara kita adalah satu rancangan yang sungguh menyeluruh. Ianya adalah lebih besar dari Rancangan Malaysia Pertama dan Rancangan Malaysia Kedua. Bagaimana-pun Rancangan Malaysia ketiga ada-

lah sambungan dari kerja-kerja yang telah dimulakan dalam kedua-dua rancangan yang terdahulu dan ini dimajukan lagi di dalam Pembangunan Malaysia menurut pelan keseluruhannya. Pada asasnya, Rancangan Malaysia Ketiga akan melaksanakan tujuan Dasar Ekonomi Baru iaitu menghapuskan kemiskinan, menyusun semula masyarakat dan memperbetulkan ketidakseimbangan ekonomi dan juga tekanan harus diberi terhadap mengekalkan keselamatan negara.

Tuan Speaker, Pulau Pinang sebagai salah sebuah negeri di dalam Persekutuan, ia telah diberi peruntukan yang sewajarnya untuk projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Jumlah Perbelanjaan bagi keseluruhan Rancangan Malaysia Ketiga adalah \$18,554 billion. Dari jumlah tersebut Pulau Pinang telah diperuntukkan sebanyak \$894.286 juta iaitu 4.8% dari jumlah perbelanjaan Rancangan tersebut. Ahli-ahli Yang Berhormat akan sedar bahawa peruntukan yang diberi kepada Negeri Pulau Pinang adalah kurang dari yang dipohon oleh Negeri ini. Bagaimanapun, kita mesti menghargai bahawa sebagai salah sebuah Negeri dalam Persekutuan, Pulau Pinang hendaklah menyelaraskan usahanya dengan negeri-negeri yang lain dalam pembangunan Malaysia pada keseluruhannya.

Namun demikian, \$894.286 juta adalah satu jumlah yang besar bagi tujuan pembangunan, dengan perbelanjaan purata sebanyak \$170 juta untuk pembangunan setiap tahun. Maka kita harus berusaha untuk menentukan supaya Rancangan dilaksanakan dengan sempurna, *efficient* dan mengikut jadual. Kita mestilah bertujuan untuk menentukan supaya peruntukan-peruntukan Rancangan kepada Negeri ini digunakan dengan cara yang boleh membawa kebaikan maksima bagi rakyat kita. Untuk mencapai tujuan ini, perlulah adanya kerjasama dan penyelarasan rapat di antara jabatan-jabatan Kerajaan, di antara Kerajaan dan orangramai, dan khasnya antara orangramai dengan sektor-sektor swasta.

Y.A.B. Perdana Menteri telah menekankan perlunya penglibatan sektor

swasta dalam menjayakan keseluruhan Rancangan Malaysia Ketiga. Ini tepat sekali bagi perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga di Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri akan berusaha sedaya upaya untuk menentukan kelincahan kerjasama sektor awam dan swasta bagi menjamin kejayaan Rancangan Malaysia Ketiga di Pulau Pinang.

Tuan Speaker, wang diperuntukkan bagi Negeri Pulau Pinang akan disalurkan untuk kemajuan ekonomi Pulau Pinang melalui jabatan-jabatan Persekutuan, Jabatan-jabatan Negeri dan juga badan-badan berkanun:

Juta

- | | |
|--|------------|
| (i) Wang yang diperuntukkan bagi Jabatan Persekutuan berjumlah ... | \$ 424.800 |
| (ii) Wang yang diperuntukkan bagi badan-badan Berkanun berjumlah ... | \$ 439.537 |
| (iii) Wang yang diperuntukkan bagi Jabatan Negeri berjumlah ... | \$ 29.949 |

Sepertimana Ahli-Ahli Yang Berhormat akan ingat, peruntukan terus kepada jabatan-jabatan Negeri merupakan 3.3 peratus sahaja dari jumlah peruntukan Negeri dan dengan itu Negeri terpaksa menyesuaikan diri untuk membelanjakan lebihkurang \$6 juta untuk pembangunan bagi tiap-tiap tahun dalam tempoh Rancangan itu. Oleh kerana setahun dari tempoh Rancangan telah berlalu, maka Negeri ini hendaklah membelanjakan sebanyak \$7 juta setahun untuk baki tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Speaker, kita yakin bahawa kita akan dapat menyelaraskan tugas-tugas Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan dan juga Badan-Badan Berkanun bagi membelanjakan sepenuhnya peruntukan yang diberi kepada Negeri Pulau Pinang di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini. Khasnya kita yakin bahawa Kerajaan Negeri dapat melaksanakan dan membelanjakan wang yang diperuntukkan melalui Jabatan-jabatan Negeri dalam jangka masa Rancangan tersebut.

Tuan Speaker, semasa lawatan rasmi Y.A.B. Perdana Menteri ke Pu-

lau Pinang tempoh hari, kita telah memberi taklimat kepada Y.A.B. Perdana Menteri tentang pembangunan Pulau Pinang khususnya tentang perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, di atas nasihat dan dorongan yang telah diberi oleh Y.A.B. Perdana Menteri semasa lawatannya tempoh hari itu. Saya juga ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat, khususnya kepada kenyataan yang dibuat oleh Y.A.B. Perdana Menteri, iaitu di mana yang boleh, perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga hendaklah dijalankan dengan mengadakan kajian semula yang teliti dan memberi "flexibility" dalam kegunaan pertukaran wang itu. Beliau juga memberitahu kita—dan saya baca balik—"Rancangan Malaysia Ketiga akan diubahsuai apabila kajian semula separuh penggal dibuat mengikut keperluan. Lebih banyak wang akan diperuntukkan bagi sektor-sektor tertentu jika perlu dan dikurangkan daripada sektor-sektor yang kurang memerlukannya".

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat tentu sedar yang matlamat utama Kerajaan Negeri dalam bidang pembangunan bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga adalah memberi perhatian yang lebih kepada bidang pembangunan sektor binaan khususnya terhadap perumahan dan perbandaran.

Saya suka juga mengambil kesempatan di sini untuk menganalisa menurut sektor-sektor terhadap pertukaran yang telah diberi kepada Negeri di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Sektor Ekonomi

Sektor ekonomi telah diberi peruntukan sebanyak \$694,908 juta yang mengandungi:

juta

Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar ...	\$ 49.164
Pengangkutan ...	\$ 192.041
Perhubungan Talikom	\$ 74.601
Kajian-kajian "feasibility" (Feasibility Studies)	\$ 2,600

juta

Kemudahan - kemudahan awam ...	\$ 331.519
Perdagangan dan Perindustrian ...	\$ 44.963

Dari jumlah \$694,908 juta jumlah yang diterima secara terus oleh Kerajaan Negeri adalah sebanyak \$18.3 juta (iaitu \$18 juta kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan \$0.3 juta bagi kawasan Perdagangan Bebas di bawah "Perdagangan dan Perindustrian"). Bakinya adalah diberi terus kepada Jabatan-jabatan Persekutuan bagi projek-projek yang dimajukan oleh Kerajaan Persekutuan atau kepada Badan-badan Berkanun bagi projek-projek yang telah diluluskan oleh Kementerian Perbadanan Awam. Contohnya Lembaga Letrik Negeri telah diberi peruntukan sebanyak \$272.7 juta; Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang \$120.619 juta; pelebaran lapangan terbang Bayan Lepas \$42 juta dan Jabatan Talikom \$68.708 juta.

Sector Special

Yang kedua, Datuk Speaker, sektor sosial telah diperuntukkan sebanyak \$154.454 juta yang mengandungi:

juta

Pelajaran dan Latihan	\$ 86.351
Kesihatan dan Perancang Keluarga ...	\$ 23.495
Perkhidmatan-perkhidmatan Sosial dan Kemasyarakatan ...	\$ 44.608

Dari jumlah \$154.454 juta, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mendapat \$34.422 juta iaitu peruntukan bagi perumahan awam. Baki peruntukan adalah disalurkan kepada Jabatan-jabatan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun di mana di antara yang besarnya adalah untuk:

juta

Universiti Sains Malaysia	\$ 45.000
MARA	\$ 18.357
Kelengkapan Perubatan	\$ 23.495

Pentadbiran Am

Tuan Speaker, bahagian ketiga ialah Pentadbiran Am. Wang sejumlah \$14.457 juta telahpun diperuntukkan bagi pentadbiran am dan ke semua jumlah ini akan digunakan oleh Jabatan-jabatan Persekutuan bagi pembi-

naan bangunan pejabat-pejabat baru. Sungguhpun demikian, semenjak Rancangan Malaysia Ketiga diisytiharkan, wang sejumlah \$7.904 juta yang terdahulu dicadangkan untuk pembinaan Pusat Pemulihan baru di Bukit Panchor telahpun dibatalkan, dengan ini menjadikan kurang lagi peruntukan kepada Negeri ini.

Keselamatan

Bahagian keempat ialah untuk keselamatan. Wang sejumlah \$30.467 juta telahpun diperuntukkan bagi keselamatan di mana Polis akan menerima \$27.618 juta dan Tentera \$2.849 juta. Ke semua wang tersebut akan digunakan untuk mendirikan berek, kediaman-kediaman untuk tentera dan bangunan-bangunan Polis yang baru.

Saya percaya tentu Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini bersetuju dengan saya jumlah peruntukan yang diberi kepada Negeri Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Ketiga adalah sangat memuaskan dan saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terimakasih kepada Kerajaan Persekutuan di atas sokongan yang sentiasa diberi kepada Negeri ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat akan juga bersetuju dengan saya bahawa adalah mustahaknya dipupuk kerjasama yang erat di atas Kerajaan Negeri dan Persekutuan sekiranya kita ingin mencapai penyelesaian yang maksima di antara Jabatan-jabatan Persekutuan, Badan-badan Berkanun dan juga Jabatan-jabatan Negeri dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga. Saya percaya kita adalah berupaya untuk memelihiara keadaan ini bagi menyokong perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga. Saya yakin bahawa jika Kerajaan Negeri dapat menunjukkan kebolehan-nya bersabit dengan peruntukan yang dibuat kepada Jabatan-jabatan Negeri itu dengan berkesan dan cekap, maka kita boleh memandang ke hadapan untuk mendapatkan lebih banyak lagi peruntukan disalurkan untuk pembangunan apabila perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga dikaji semula.

Saya menyeru kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini untuk menerima cabaran Rancangan

Malaysia Ketiga ini dan untuk memberikan sokongan yang sepenuhnya kepada rancangan tersebut. Satu-satu rancangan bagaimana baiknya sekali-pun adalah cadangan di atas kertas sahaja. Oleh itu, kita mestilah memberi Rancangan Malaysia Ketiga ini jiwa dan semangat dengan melaksanakannya dengan bersungguh-sungguh. Marilah kita terus menjalankan kerja-kerja dengan penuh semangat dan tenaga.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini menyokong Rancangan Malaysia Ketiga dan akan melaksanakannya dalam Negeri ini mengikut jadual.”

Datuk Speaker, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim Bin Abdul Razak): Tuan Speaker, saya, Wakil dari Bagan Ajam menyokong Usul ini.

Tuan Speaker: Dewan dibuka untuk dibahas.

Soalan dikemukakan dan dipersetuju.

6. PENANGGUHAN

Ketua Menteri: Datuk Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad Bin Sulaiman): Saya menyokong, Tuan Speaker.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.03 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam 11.30 pagi.

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad): Tuan Speaker, dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang sudahpun dilancarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia baru-baru ini saya ingin mengambil kesempatan di sini merayu mengenai beberapa perkara yang menjadi percakapan yang agak hangat di kalangan orang-orang Melayu di Negeri ini. Tadi telah kita dengar pengumuman ucapan oleh Y.A.B. Ketua Menteri berhubung de-

ngan Rancangan Malaysia Ketiga khasnya bagi Negeri Pulau Pinang. Tak sempat hendak berbahas tadi, Tuan Speaker, kerana Dewan telah ditangguhkan dengan begitu cepat. Jadi saya ambil kesempatan ini untuk berucap tentang perumahan.

Datuk Speaker, projek-projek perumahan seperti mana yang telah diumumkan oleh Y.B. Encik David Choong, Wakil Kawasan Ayer Itam dalam suratkhabar kelmarin, yang mengatakan sebanyak \$33 juta telah-pun diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, khasnya bagi projek perumahan di Negeri kita. Di dalam suratkhabar itu kelmarin menerangkan sebanyak 8 kawasan saja yang akan diuntukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk perumahan di Negeri kita ini. Jadi sebagai rayuan daripada orangramai di Negeri Kita ini dan mengambil kesempatan terhadap ramai Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada hari ini—seramai 27 orang—sepatutnya lah perkara projek perumahan ini bukan hanya untuk 8 kawasan itu sahaja tetapi patut juga difikirkan bagi kawasan yang lain sama. Di dalam projek-projek ini ramai orang-orang kita di Negeri kita ini yang telah bercakap kononnya Projek Perumahan Murah ini bukan murah. Murah pada nama rancangan tetapi mahal harga rumah. Jadi di sini saya berharap kepada Kerajaan Negeri kita supaya projek perumahan yang benar-benar murah hendaklah kita ujudkan mengikut kawasan-kawasan di Negeri kita ini. Contohnya sebagaimana yang kita maklum di Negeri kita ini ada kawasan bandar dan luarbandar. Bagi projek perumahan di kawasan luarbandar itu hendaklah disesuaikan dengan keadaan luarbandar dan pendapatan penduduk di satu-satu kawasan kerana perkara ini telah-pun timbul di Negeri kita ini, khasnya di kalangan orang-orang Melayu bahawa sesebuah rumah yang kita bangunkan dalam satu-satu kawasan perumahan biarlah rumah itu berbentuk sekadar yang mampu dibeli oleh orangramai. Masaalah ini telah heboh dipercakapkan dengan begitu hangat terutama di kalangan wakil-wakil rakyat undangan

ditetapkan. Jadi ini saya merayuh kepada Kerajaan kita supaya sesuaikan projek itu mengikut keadaan kawasan.

Dan beralih kepada tempat-tempat perniagaan, Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagaimana yang telah saya dengar daripada orangramai mengatakan bahawa kawasan-kawasan perniagaan yang diujudkan di dalam Negeri kita ini harga bangunan perumahan itu terlalu tinggi. Jadi memang kita sedar bahawa terlalu tinggi bagi rumah di tempat-tempat perniagaan ini adalah kerana keadaan masa sekarang. Tetapi biarlah jangan terlalu tinggi sangat. Dan kepada pihak Perbadanan Negeri Pulau Pinang kita ini kalau hendak untung janganlah untung besar sangat. Ini yang diharap sangat oleh rakyat Negeri kita ini. Dan projek-projek dari segi tempat-tempat perniagaan ini patut juga diujudkan di kalangan bumiputra sendiri. Kerana Badan-badan Berkanun di dalam Negeri kita ini seperti UDA, MARA dan juga badan-badan lain biasa menyuarakan tempat-tempat seperti ini akan diujudkan dan dikhaskan kepada bumiputra. Tetapi sehingga sekarang di mana UDA di Tanjung Tokong masih lagi belum ujud—tetapi akan diujud dan kali ini kita mintalah kerjasama daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang kita ini bekerjasama dengan UDA dan MARA untuk menolong di kalangan bumiputra.

Beralih pula, Tuan Speaker, tentang nama-nama jalan dan tempat di Negeri kita ini yang mana masih kita menggunakan nama-nama tempat dan jalan-jalan itu dalam bahasa atau perkataan yang ditetapkan oleh pihak penjajah dahulu. Jadi kita telah pun merdeka hampir 20 tahun. Keadaan yang berlaku seperti ini harus kita buat mengikut keadaan Negeri kita sekarang. Yang Berhormat Tuan Speaker, yang menarik perhatian sekali tentang masalah Negeri kita ini ialah nama Negeri kita iaitu Negeri kita seperti yang kita semua maklum dan ketahui, ada mempunyai 4 nama secara tidak langsung. Jadi nama yang begini langsung tidak ujud dan tidak ada di negeri-negeri lain di seluruh Negeri kita ini. Contohnya se-

erti Yang Berhormat Datuk Speaker, tahu, misalnya, Perlis tidak ada nama lain selain daripada Perlis, begitu juga Perak, Selangor, Johor dan lain-lain negeri dalam Negeri kita ini. Tetapi dalam Negeri Pulau Pinang ada 4. Datuk Speaker, ada 4 nama di Pulau Pinang ini. Biarlah saya sebutkan ke empat-empat itu. Yang pertama Pulau Pinang, kedua Penang—ada setengah-setengah yang menyebut “Pening”. Ini masalah sepatutnya kita membetulkan sekarang ini—and yang ketiga ialah Seberang Perai dan yang ke empat Province Wellesley. Jadi nama yang dicipta oleh penjajah hampir $\frac{3}{4}$ dari penduduk dalam Negeri Pulau Pinang dan juga dalam Negeri kita menggunakan dalam surat-surat dan dalam percakapan hari-hari. Jadi sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri yang masih ada sekarang di Dewan ini, tugas kita ialah untuk membetulkan nama Negeri kita sendiri. Misalnya, sebagai contoh, saya lah misalnya, Md. Noor bin Ahmad. Jadi bukan Md. Noor bin Ahmad, Md. Noor bin Pulau Pinang *alias* Penang *alias* Seberang Perai dan *alias* Province Wellesley. Seolah-olah macam itulah.

Jadi keadaan yang begini patutlah kita ubah dan kita namakan dengan rasmi, kita mansuhkan perkataan-perkataan yang berlainan untuk nama Negeri kita ini, iaitulah Pulau Pinang. Dan juga saya mengesyorkan ini dikekalkan Pulau Pinang. Kita mansuhkan perkataan Penang kerana bendera Negeri kita sendiri kita ada pokok pinang. Entahlah kalau ada pokok “penang”, saya tak tahu. Ini masalahnya. Dan yang keduanya Seberang Perai. Masih ramai penduduk Negeri Pulau Pinang dan juga negara kita ini menggunakan perkataan Province Wellesley sedangkan kita sudah merdeka. Jadi kedua-dua perkataan Penang dan Province Wellesley ini patut kita mansuhkan dengan rasmi dan gunakan nama Negeri kita sebagai Pulau Pinang, dan Seberang Perai patut kita gunakan dengan rasmi dan bukan lagi Province Wellesley kerana ke empat-empat ini boleh mengelirukan rakyat Negeri kita ini. Jadi dengan ini, Tuan Speaker, saya berharap perkara-perkara yang telah terjadi kepada

Negeri kita ini akan dapat kita betulkan semula.

Jadi sekian, Datuk Speaker, ucapan saya dan terima kasih.

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya ucapkan terimakasih kepada Yang Berhormat Ahli Kawasan Tasek Glugor. Perkara-perkara yang berbangkit bolehlah kita ambil perhatian, jadi di sini saya ingin hendak menjawab sedikit.

Perkara yang pertama bersangkutan dengan masalah perumahan, saya ingat semacammana Yang Berhormat Ahli Kawasan Tasek Glugor sedar, di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Pulau Pinang sudah mendapat 8 rancangan-rancangan perumahan baru. Di dalam satu perbincangan yang kita buat dengan Menteri Perumahan baru-baru saja kita telah bersetuju kita mesti jalankan 4 rancangan ini, dan yang ada sehingga masa sekarang ialah rancangan di dalam Bagan Ajam, rancangan Free School, rancangan Batu Lancang Road dan 4 di satu rancangan perumahan Glugor. Tetapi di dalam perbincangan yang kita adakan dengan Menteri Perumahan, apa yang penting sekali ialah harga rumah-rumah yang kita menyokong yang boleh dikira rumah-rumah murah yang masuk di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, iaitu \$7,500 seyunit. Tetapi dalam Negeri Pulau Pinang, sebablah masalah tanah yang lebih penting dan mustahak yang mana semua rancangan tanah-tanah yang Kerajaan Negeri ada peruntukan untuk rancangan-rancangan perumahan murah adalah tanah-tanah yang Kerajaan Negeri telah mengambil dengan pinjaman wang dari Kerajaan Pusat sebab itu kita mesti ada sedikit “flexibility”. Dan di dalam perbincangan dengan Menteri Perumahan selepas itu, kita telah beri satu taklimat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana prinsip “flexibility” untuk Rancangan Malaysia Ketiga bolehlah ditukar dengan “flexibility” yang lebih sesuai. Sebab itu kita ada cadangan satu masalah yang lebih penting, masalah tanah yang Kerajaan ada di dalam kawasan-kawasan pembangun-

nan. Kerajaan Negeri telah cadangkan satu sekim, "transitional area housing scheme" di perbincangan dengan Kerajaan Persekutuan dan saya haraplah di dalam dua bulan kita boleh sediakan macammanya anggaran perbelanjaan tahun depan Kerajaan sendiri yang mesti jalankan berapa rancangan yang boleh dikatakan *support* Rancangan Malaysia Ketiga. Di dalam rancangan Kerajaan Negeri sendiri kita haraplah semua kawasan-kawasan yang kurang sedikit rancangan-rancangan, kalau kita dapat persetujuan daripada Kerajaan Persekutuan kita bolehlah buat lagi rancangan yang lebih besar.

Tapi macammanya pun saya harap Ahli Dewan Undangan ini mestilah ambil perhatian. Masaalah perumahan yang ada bersangkutan dengan dua masaalah yang asas yang lebih penting sekali iaitu masalah tanah dan masalah wang. Tadi saya telah sebutkan macammanya tanah ada kegunaan dan bersangkutan dengan masaalah perumahan. Tapi mengenai kewangan, jika kita sekarang hendak bina 1,000 buah rumah dan harga perumahan murah kira-kira lebih kurang \$1.00 seyunit dan kurang-kurang itu ialah menjadi jumlah kewangan perbelanjaan sampailah \$5 juta; inilah yang menjadi masaalah yang terbesar sekali. Bolehkah rakyat yang mana kita membina rumah murah ini membayar balik wang-wang jumlah sebanyak itu? Itulah yang kita selalu mesti pertimbangkan dan saya telah berkata saya harap di dalam Jawatankuasa Anggaran Negeri kita boleh perbincangkan masaalah ini dan dalam Mesyuarat Dewan Undangan ini yang akan datang inilah saya harap akan menjadi satu masaalah yang kita boleh bincangkan dengan teliti.

Berkenaan masaalah perniagaan, saya ingat Yang Berhormat Ahli Kawasan Tasek Glugor faham di bawah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang se-lalu pun bekerjasama dengan UDA, MARA dan Badan-Badan Berkunun telah mengadakan berbagai-bagai projek perniagaan samada di kawasan atau diambil alih oleh kaum bumiputra di kawasan-kawasan yang sesuai dan ini pun telah menjadi satu masaa-

lah yang sekarang kita perbincangkan dengan Kerajaan Persekutuan dan seterusnya dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita mestilah kaji dalam rancangan Malaysia Ketiga bolehlah kita buat rancangan-rancangan untuk bumiputra bukan sahaja untuk perniagaan tetapi juga untuk perusahaan, perumahan, dan lain-lain. Dan sungguh pun kalau kita ingat kita hendak mencapai objektif dasar ekonomi baru bagi mendapat satu masyarakat yang "structured", kalau kita buat rancangan atau projek-projek untuk sesuatu kaum sahaja itu adalah menjadi halangan hal-hal. Tapi dalam Negeri Pulau Pinang kita pun telah bersedia dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan kita haraplah kita boleh bawa rancangan-rancangan khas untuk bumiputra tetapi kita mesti siasat macammanya rancangan ini boleh dijalankan. Saya sendiri ada harapan besar agar kita boleh dapat perbelanjaan khas untuk projek-projek serupa ini.

Masaalah nama jalan-jalan ini pun adalah tanggungan sebuah jawatankuasa jalan dan saya haraplah nama-nama yang dibuat, jawatankuasa ini pertimbangkan dan ambil perhatian mengenai apa yang telah diperbangkitkan oleh Yang Berhormat tadi dan saya sendiri pun fikir nama-nama jalan seperti "Jalan Ikan" dan jalan-jalan yang namanya berbunga-bunga, sungguhpun tidak berbau politik tetapi barangkali jawatankuasa itu boleh berjalan dengan lebih baiklah dan saya harap perbincanglah dengan L.P.K.T. Tadi pun semasa soalan mulut ini telah dijawab dengan panjang dan lebar.

Mengikut Perlembagaan nama Negeri ini di dalam bahasa Inggeris ialah "Penang", dalam Bahasa Kebangsaan "Pulau Pinang"—tidak ada 4 aliases. Ada satu nama sahaja yang kalau mengikut Bahasa Kebangsaan namanya ialah Pulau Pinang. Saya ingat masaalah ini kalaulah Ahli-ahli Yang Berhormat berasa ini adalah masaalah yang mustahak bolehlah kita pertimbangkan, tetapi mengikut Perlembagaan kita ada satu nama sahaja, iaitu Pulau Pinang. Ini sahaja, saya ingat, perkara yang berbangkit. Saya ingat bila saya fikir balik bila kita buat

Perlembagaan yang pertama sekali untuk Semenanjung Malaysia (atau Malaya pada masa itu) ini pun telah diambil pertimbangan yang berat oleh beberapa jawatankuasa yang ada pada masa itu, iaitu The Constitution Committee dan di dalam Jawatankuasa yang menyediakan Perlembagaan yang pertama bagi Negeri kita. Dan pada masa itu kita mestilah menerima bahawa Seberang Perai ialah satu bahagian yang masuk di dalam Negeri Pulau Pinang, bukan untuk persendirian tetapi untuk *lease* daripada Negeri Kedah pada masa itu. Sebab itu bila dikaji samada mahu masukkan dua nama Pulau Pinang dan Seberang Perai itu masaalah lama—20 tahun lebih—yangmana pada masa itu ianya menjadi sedikit masaalah politik tetapi keputusan yang diambil yang senang ialah nama Pulau Pinang diambil. Itu pun telah dicadangkan dan oleh itu saya harap kita bolehlah bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh pemimpin kita bila mereka membawa Negara kita mencapai kemerdekaan dan membuat Perlembagaan yang ada sekarang.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik C. Y. Choy): Datuk Speaker, dengan perasaan yang amat sedih saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada kekurangan perikemanusiaan, persefahaman serta kesabaran di kalangan setengah Pegawai-pejawai Kerajaan dan Pegawai-pejawai Badan Separuh Kerajaan yang mempunyai hubungan terus dengan orang-orang kampung, petani-petani, nelayan-nelayan, penjaja-penjaja dan pembayar-pembayar hasil dari golongan yang berpendapatan rendah yang bodoh dan yang kadang-kadang menghadapi kesukaran-kesukaran dan memerlukan nasihat.

Oleh kerana tindakan setengah-setengah pegawai yang bersifat suka mencampuri, maka mereka itu dengan tak sengaja bertindak sekali saja boleh memusnahkan semua sekali perasaan kemuhibbahan, kerjasama dan perpaduan yang Kementerian Penerangan telah wujudkan bertahun-tahun. Adalah nyata bahawa pada fikiran orang-orang kampung ini, semua pegawai-

pegawai samada mereka itu bertugas atau bekhidmat dengan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri maupun dengan Badan-badan Separuh Kerajaan, adalah "Pegawai Kerajaan". Oleh itu kalau seorang pegawai terlalu bersifat rasmi dalam menjalankan tugas-tugasnya, maka buruklah kesannya kepada semua pegawai-pegawai lain. Maka sangat-sangatlah dihajati iaitu nama baik Kerajaan di semua peringkat dan tingkat dijagai pada setiap masa dan ketika.

Sebagai satu contoh saya merujuk kepada satu peristiwa yang mengejutkan yang berlaku pada tanggal 8hb Julai tahun ini. Seorang wanita yang miskin, mempunyai tiga orang anak kecil, suaminya pergi ke Thailand, adalah penghuni, sebuah pondok yang baru diikat di tepi laut di Bagan Ajam.

Menurut laporan sebuah Akhbar Cina yang mashur, disertai dengan gambar-gambar, pondok ini telah dirobohkan setelah diberikan notis 24 jam sahaja kepada wanita itu. Segala ini berlaku semasa kepala keluarga ini berada di Thailand.

Bagaimana pondok ini wujud adalah perkara lain. Suaminya boleh jadi telah ditipu ataupun tidak diberikan nasihat yang benar ataupun mungkin jahil terhadap undang-undang. Tentulah sekali pondok itu boleh dibenarkan kekal buat beberapa hari lagi hingga sisuami itu pulang. Apakah salahnya ataupun rugikah pihak berkuasa itu kalau pondok itu kekal buat beberapa hari lagi. Dalam keadaan yang sesukar itu perlaksanaan perintah rasmi patutlah dijalankan dengan bertimbang rasa.

Sebagai penutup saya harap dengan sepenuh harapan bahawa penderitaan yang seumpama ini tidak akan berulang lagi demi perikemanusiaan dan belas kasihan.

Datuk Speaker, saya mohon berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Speaker, it is unavoidable that I have to bring to the notice of this House regarding the lack of humane feeling, understanding and tolerance among certain Government and Quasi-Government officers, who have direct dealings with simple folks like farmers,

fishermen, hawkers and other tax-payers of the lower income groups who are frequently faced with difficult problems and need proper guidance and forbearance.

On account of the deplorable acts of a few officers when dealing directly with the public, all the goodwill, solidarity and co-operation which the Ministry of Information has been fostering over the years are nullified. In the minds of the simple folks, all officers whether serving under the Federal, State, or Quasi-Government, are termed "Government Officers" without distinction. It must be borne in mind that if a single officer is callous or even arrogant in carrying out his duties, it would reflect badly on all fellow officers. Therefore, it is incumbent on all officers at all levels to maintain the good image of the Government at all times.

A case in point is the shocking incident which happened on 8th July this year affecting a young woman with three infants while the husband was away in Thailand. The family were occupants of a newly constructed hut by the seaside at Bagan Ajam.

According to the report of a mass-circulating Chinese daily newspaper (illustrated with photographs), a large portion of the hut was wilfully and callously demolished after a mere 24-hour notice was served on the woman. It is to be noted that all this happened while the head of the family was not in the country. It is unbelievable that such an act could have happened.

Now, how the hut came to be built is a different matter, Tuan Speaker. The family could have been swindled or been ill-advised into buying the property, or may be sadly ignorant of the law.

Surely the hut could have been permitted to remain intact for a few more days until the husband's return. I would like to ask what harm or loss would it cause to the Authorities concerned if the hut had remained just for a few more days?

Datuk Speaker, on humanitarian and compassionate grounds, I earnestly

beseech that this inconsideration and this imposition of unnecessary suffering on our loyal citizens are not repeated again in our beloved Malaysia. How else can we have solidarity among our people?

Datuk Speaker, in conclusion may I have your permission to quote just a few words from the speech by the Honourable the Deputy Prime Minister and or Education Minister, Dr Mahathir Mohamad, which was reproduced yesterday in the New Sunday Times, to wit:

"If Government officers and those involved in carrying out the day-to-day tasks do not understand the characteristics of poverty and lack perception of the problems of the poor, we will not be able to uplift our society."

In carrying out our task and role, we must avoid any action and behaviour which may create doubts among the people towards the Government's eradication of poverty effort, etc."

Thank you, Sir.

Ketua Menteri: Datuk Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Pengkalan Kota tetapi saya rasa duka-cita sebab perkara yang dibangkitkan dalam ucapan beliau sungguh satu perkara mustahak dan penting dan Kerajaan selalu menjaga dengan nama-nama perkhidmatan dan di mana boleh Kerajaan Negeri telah mengadakan arahan-arahan kepada semua pegawai-pegawai Kerajaan Negeri meminta mereka bekerja dengan tegas dan rapat dengan perasaan persefahaman dan muhibbah dengan rakyat kita. Sayang tidak boleh bersetuju dengan contoh yang dibawa oleh Yang Berhormat Ahli iaitu perkara itu menjadi satu contoh macam-mana pegawai-pegawai Kerajaan Negeri telah menjalankan tugas.

Saya minta izin untuk menjawab terus-terang dalam bahasa Inggeris: I have the greatest respect for the Honourable Member for Pengkalan Kota, but I must say that I must examine his statement very carefully.

He has only brought up one case and I think that particular case will be looked into as an example as to how Government Officers can better perform their duties not only efficiently but in order to have a closer tie with the people. But it is interesting even in the case that was brought up that a supposedly illegal squatter in Bagan Ajam can have the privilege of travelling to Thailand. I wonder how many Members in this House has ever had the privilege of going to Thailand or had the money to go to Thailand. Tetapi orang ini pun kiranya orang miskin. Sebablah ini satu masalah yang kita mesti pertimbangkan baik-baik, if the man wants to go to Thailand and he has a problem and he has broken the law in creating an illegal house, whether he brought it illegally from somebody or otherwise, he certainly cannot leave his three children and his wife alone and unprovided for. Now, to ask us to be sympathetic to a man who leaves his children like that and to make this into an issue that the Government servant has been a bit inhumane, I think, is taking the point a bit too far. What I think the Honourable Member has brought up which is important is for us to really seriously consider the issues that are brought up in front of us. On the question on humanitarianism I, can assure the Honourable Member that it is the objective of the Government to carry out a policy whereby the Government and people are always working closely together and in harmony. The Government Officers are so instructed to carry out their duties in that line. More than anybody else in this country, the Barisan Nasional understands the problem of poverty, and we understand cases where hardships are crossed unnecessarily and will make every effort to minimise hardship.

Tetapi contoh ini kita mesti kaji dengan dalam sekali. Pejabat Tanah Seberang Perai Utara telah menerima maklumat-maklumat pada 4hb Julai, tahun ini bahawa tiga buah binaan haram telah didirikan—bukan satu sahaja—atas tanah Kerajaan di pantai Bagan Ajam. Pada masa itu selain

daripada tiga binaan haram di atas tanah Kerajaan terdapat juga sembilan buah binaan haram yang didirikan di atas tanah persendirian tanpa kelulusan daripada Lembaga Pengurusan Kerajaan Tempatan Seberang Perai. Mengenai binaan-binaan haram di atas tanah persendirian, adalah difahamkan bahawa Lembaga Pengurusan Kerajaan Tempatan Seberang Perai telahpun memulakan tindakan mahkamah di atas mereka-mereka yang telah mendirikan binaan-binaan haram tersebut. Mengenai tiga buah binaan haram atas tanah Kerajaan, Pemungut Hasil Tanah telahpun mengeluarkan notis kepada tuan-tuanpunya binaan tersebut pada 7hb Julai memberitahu mereka bahawa binaan-binaan tersebut terpaksa dirobohkan dalam tempoh 24 jam. Dalam masa itu tidak ada apa-apa jawapan. Oleh sebab notis ini tidak dipatuhi, binaan tersebut selanjutnya telah dirobohkan oleh Pemungut Hasil Tanah.

Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa seksyen 426A Kanun Tanah Negara memberi kuasa terus kepada Pemungut Hasil Tanah untuk merobohkan binaan-binaan haram atas tanah Kerajaan. Berhubung dengan ini dalam Kanun Tanah Negara tidak dinyatakan bahawa notis hendaklah dikeluarkan terlebih dahulu sebelum binaan-binaan haram dirobohkan. Namun demikian Pemungut Hasil Tanah Seberang Perai Utara menurut amalan yang lazim dikuti, telah mengeluarkan notis kepada mereka-mereka yang telah mendirikan binaan-binaan dan menasihatkan mereka itu supaya merobohkan binaan-binaan dalam tempoh yang berpatutan. Adalah menjadi amalan bahawa jika-lau tuanpunya rumah yang berkenaan itu merayu dengan memberi sebab-sebab yang baik supaya tempoh masa itu dilanjutkan maka Pemungut Hasil Tanah akan menimbangkan rayuan itu dan kalau perlu dilanjutkan tempoh masa untuk merobohkan binaan-binaan haram akan dibenarkan.

Akan tetapi di dalam kes ini tuan-tuanpunya binaan-binaan haram tersebut tidak merayu untuk melanjutkan tempoh masa dan Pemungut Hasil

Tanah telah meneruskan dengan merobohkan binaan-binaan haram mengikut peruntukan-peruntukan dalam Kanun Tanah Negara. Sekarang yang kita dapat tahu suami di dalam sebuah dari tiga rumah itu telah pergi melawat ke Thailand. Ini disalahkan pegawai atau disalahkan suami?

Saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa binaan-binaan haram di kawasan ini boleh didirikan dalam tempoh masa yang singkat. Terdapat banyak aduan-aduan daripada orangramai mengenai binaan haram tersebut dan jikalau tindakan yang tegas tidak diambil oleh pihak berkuasa yang berkenaan, maka binaan haram akan bertambah luas.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memperolehi kerjasama Ahli Yang Berhormat Dewan ini terhadap masalah pembinaan haram yang didirikan yang menjadikan masalah setinggan satu masalah sosial yang amat *serious*. Pada dasarnya terdapat dua jenis binaan haram. Yang pertama ialah binaan yang didirikan atas tanah dengan kelulusan tuan yang punya tanah tetapi pelan-pelan bangunan tersebut tidak diluluskan. Biasanya kes-kes ini adalah diselesaikan menurut peraturan-peraturan yang lazim diikuti oleh Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan. Peraturan-peraturan ini memang berbelit-belit dan mengambil masa yang lama sebelum keputusan dicapai. Jenis binaan-binaan haram yang kedua adalah binaan-binaan yang didirikan di atas tanah tanpa kebenaran oleh tuanpunya tanah. Tanah-tanah tersebut dimiliki oleh pihak persendirian atau oleh Kerajaan. Saya telah menyatakan dalam jawapan saya kepada ucapan penangguhan ini dengan rujukan khas kepada kes ini. Akan tetapi Ahli Yang Berhormat mesti sedar bahawa adalah menjadi kewajipan Kerajaan dan pegawai-pegawai Kerajaan untuk menjamin bahawa tanah yang dimiliki oleh Kerajaan tidak dijadikan tumpuan bagi binaan-binaan haram, terutamanya jika binaan-binaan haram ini akan mengganggu perlaksanaan rancangan-rancangan Kerajaan. Saya merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat De-

wan ini supaya menggunakan pengaruh-pengaruh mereka dalam kawasan sendiri untuk menerangkan perkara ini kepada rakyat supaya mereka tidak akan menjadi setinggan haram di atas tanah Kerajaan melalui proses ini.

Kerajaan sedang berusaha dengan sedayaupaya untuk memberi kemudahan perumahan bagi mereka-mereka yang berpendapatan rendah. Akan tetapi kerjasama rakyat dengan Kerajaan diperlukan untuk menjamin kemajuan yang sihat dan munafaat kepada rakyat. Kita tidak seharusnya membenarkan beberapa orang untuk bertindak sesuka hati dan mendirikan binaan-binaan haram atas tanah Kerajaan. Sesiapa yang ingin menggunakan tanah Kerajaan boleh memohon daripada Pejabat Tanah untuk memohon Lesen Tumpangan Sementara atau untuk diberi milik dan permohonan-permohonan ini akan dipertimbangkan mengikut kepentingan masing-masing. Saya mengaku bahawa setengah daripada permohonan-permohonan ini mengambil masa, tetapi perkara ini patutlah kita terima. Saya ingin menyatakan bahawa sebilangan besar juga mengikut peraturan-peraturan undang-undang yang telah ditetapkan itu sebelum mereka menduduki tanah Kerajaan. Oleh itu Kerajaan harus mengambil tindakan terhadap mereka-mereka yang berniat melanggar peraturan-peraturan undang-undang.

Tambahan pula sepertimana yang saya telah bangkitkan di dalam Dewan dahulu kita dapat ada juga mereka-mereka yang memajukan tanah yang mengambil kesempatan ini membina rumah-rumah untuk dijual kepada orang-orang yang miskin atau yang kurang memahami kedudukan yang sebenarnya. Pihak Kerajaan akan mengambil tindakan sepenuhnya terhadap mereka-mereka ini. Saya berharap agar Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini sedar betapa teliti Kerajaan telah menggunakan sumber-sumber kewangan dan tenaga kita dalam soal kepunyaan kita membelakangkan perumahan murah yang boleh dimiliki oleh mereka-mereka yang berpendapatan rendah.

Kita tetap siap sedia dalam rancangan-rancangan perumahan dan pembinaan kita secara luas untuk menuhi keperluan rakyat kita. Dalam keadaan sedemikian pegawai Kerajaan seharusnya diberi sokongan oleh semua ahli-ahli politik dalam usaha mereka menyediakan perumahan yang sesuai untuk rakyat kita. Kita tidak seharusnya membenarkan emosi kita mengurangkan ketegasan kita untuk melaksanakan sesuatu dengan cara yang sesuai serta sah di sisi undang-undang.

Di sinipun saya tidak boleh memberi perkataan yang betul, tetapi dalam suratkhabar yang tidak berapa hari dahulu Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun telah mengumumkan selepas suatu mesyuarat Majlis Tanah Negara yang mana semua negeri-negeri mengadakan sebuah Jawatankuasa yang dipengurusi oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri negeri itu untuk menjaga dengan masalah setinggan. Saya haraplah Jawatankuasa kita ini bolehlah kaji kes-kes yang sesungguhnya adalah susah sebelum kita menjalankan undang-undang.

Tetapi Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Pengkalan Kota—di sini saya minta izin—I must thank the Honourable Member for bringing up the case and I assure him that cases, if they are carried out properly, the Government at all times will work closely with the people and minimise all hardships. The officers in the State of Penang have always worked with the greatest interest of the service as well as in the interest of the people in the State. This particular case that is brought up is an emotional one with as little in essence. Notice was made of the house being built on 7th July—and I repeat again—and yet this husband disappeared into Thailand soon after that. Now the Collector has every right to move in and remove an illegal structure without any further notice. However, he took the pains, in this particular case, to give notice. But there was no response. Now we learn from the Honourable Member—and I wonder how the Ho-

nourable Member knows—that the husband went to Thailand, but we now know that it was due to the fact that the irresponsible husband and an unfortunate wife and family did not reply to this notice, and action was taken. The officer, under the circumstances, had acted beyond the normal procedure to provide for the minimum of hardship.

The case is a very peculiar one and I hope the Honourable Member will support the effective and efficient action by the officers of the State Government and do not unduly bring up emotional issues when Government officers are trying to carry out a rather difficult task. The matter brought up by the Honourable Member, I think, brings up a great deal of issues which I had discussed in great detail earlier; but I hope the Honourable Member will accept the explanation I have given and I have indicated before that I have always regarded him with the highest respect and I can assure him that the Government in all instances will try to minimise the hardship. The unfortunate thing is that by the time the Honourable Member read in the newspaper, it must have been 48 hours later before he could make any report. But by the time the matter was brought up into the Council some considerable time had elapsed. But even so, the Honourable Member will accept it as a fact that, however, the Government is able to regard this issue and to consider this issue quite rapidly. Even so, the best thing is for our people not to do things against the law or to take the law into their own hands.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik C.Y. Choy): Tuan Speaker, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Speaker, in his speech the Ketua Menteri seems to think that the man has gone to Thailand on a tour, but every one whom I have met goes there in the course of duty. These men may be fishermen who have gone down to Thailand specially to catch fish, or they may be lorry drivers or lorry attendants working in the trans-

port business or working with the transport firms and so on. It does not mean that they have gone to Thailand on a pleasure trip leaving their poor wives and children uncared for. I have seen the squatters and they say they will bring up their case, but I have not made note solely to get the support and sympathy of the fishermen. All the facts are taken from the newspaper and there is nothing I have added to it. I am not opposing the Local Authority for demolishing the house because, as the Ketua Menteri has said, this is already laid down in the bye-law that has been enforced. So I am not criticising the enforcement but the way it has been carried out or enforced because the woman is left in the lurch and she does not know where to stay as the house has been demolished. It is just as I have said in my speech and I hope that this kind of scene will not happen again. Why can't they wait for a few days? I am not objecting to the demolishing of the house—that is a different matter—but the way it was done. I would not like to think about this thing happening to my wife.

Thank you.

Ketua Menteri: Datuk Speaker, sungguh pun ini bukan satu bahasan. Dengan izin: I think I have already stated I am very happy the Honourable Member for Pengkalan Kota agrees that the Government officer should act according to the law. He has got no objection to the house being torn down. I hope that he will accept the fact that I respect his opinion, but here we must put aside emotions and I have also asked him to take note of the fact that the Honourable Deputy Prime Minister has asked that a special committee be established in different states for dealing with this kind of case. I am sure he will accept the fact that when this committee is established, cases of this nature probably may be averted in the future but it should not be taken in any way to derogate on the sense of humanity of the officers in the State.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee): Saya suka menarik perhatian di Dewan ini ten-

tang masaalah banjir dan sistem pengairan yang tidak lengkap di Seberang Perai.

Waktu musim, hujan baru-baru ini telah menyebabkan banjir yang teruk di kawasan-kawasan rendah dan menyebabkan kesusahan dan kesulitan bagi rakyat.

Sebagai contoh, di kawasan Perumahan Murah Kerajaan, Taman 'B' dan Perkampungan Kampung Baru di Bukit Mertajam selalu dibanjiri air apabila hujan turun. Ini disebabkan pembangunan yang berhampiran tanpa dibekalkan suatu sistem pengairan yang baik.

Di kawasan kampung Cross Street, pembinaan sebatang jalan baru, iaitu Jalan Muthupalaniappa, telah menyebabkan terjadi banjir di kawasan Permatang Rawa. Ini berlaku kerana sampah-sarap dan ranting kayu tersangkut di dua gelung air—(twin culverts)—di bawah jalan melintasi Sungai Ara. Untuk mengatasi masaalah ini, eloklah dibuangkan dua gelung air itu dan digantikan dengan jambatan terbuka atau "open span bridge" supaya air hujan dapat mengalir terus dan cepat.

Di kawasan Sungai Rambai dan Padang Lallang selalu berlaku banjir disebabkan oleh tanah runtuh (sitting up) menutupi Sungai Rambai.

Saya merayu supaya Kerajaan supaya mengambil tindakan yang tegas dan segera untuk memajukan sistem pengairan di kawasan-kawasan banjir di Seberang Perai.

Tuan Speaker ,sebagaimana diketahui, saya telah berkali-kali membangkitkan dalam Dewan ini masaalah-masaalah tanah dan perumahan dalam Negeri kita, khasnya di kampung-kampung baru.

Baru-baru ini Menteri Perumahan dan Perkampungan Baru, Yang Berhormat Encik Michael Chen telah menyatakan bahawa Kerajaan hendak memperbesarkan dan mempelbagaikan kaum di kampung-kampung baru. Ini bermakna bahawa lebih luas tanah di sekitar kampung-kampung baru akan dibuka untuk menampung rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

Datuk Speaker, kita sokong penuh dasar ini bukan sahaja kerana ini adalah satu langkah yang positif ke arah mencapai objektif yang kedua Rancangan Malaysia Ketiga, iaitu menyusun semula masyarakat kita untuk membina satu Negara Malaysia yang bersatupadu, tetapi ia boleh mengatasi masaalah kekurangan tanah dan perumahan di kampung-kampung baru. Mengenai ini, saya ingin menyeru kepada Kerajaan supaya mengambil tindakan dengan segera untuk menyediakan lebih luas tanah di sekeliling kampung-kampung baru untuk perumahan dan pembangunan yang lain, yang akan membawa faedah kepada semua rakyat Malaysia. Sebaliknya membandingkan masaalah kekurangan tanah di Negeri kita, saya menggesa Kerajaan mengadakan kawalan dan sekatan dalam kegunaan tanah di sekitar kampung-kampung baru untuk tujuan yang tidak produktif.

Atas perkara perumahan, saya ingin mengambil peluang ini menyentuh Sekim Perumahan Kawasan Peralihan (atau Transitional Area Housing) di mana rumah-rumah murah akan dibina di tanah-tanah yang tidak akan digunakan dalam tempoh 10 tahun yang akan datang. Ini adalah satu *idea* yang bijak daripada pihak perancang Negeri di bawah pimpinan Ketua Menteri kita. Projek-projek ini, jika dilaksanakan, akan terus menyenangkan masaalah-masaalah kekurangan rumah yang hebat. Di samping itu, projek-projek ini akan membawakan lebih banyak hasil pendapatan kepada Negeri kita.

Bila saya memuji Kerajaan Negeri kita atas usahanya yang baik itu, saya ingin bercadang supaya projek-projek perumahan kawasan peralihan ini diperluaskan kepada semua kawasan di mana tanah dapat diperolehi dan bukan hanya dihadkan kepada satu-dua tempat seperti di Seberang Jaya dan Bandar Bayan Baru.

Kita sukacita mendapati bahawa pihak perancang Negeri telah dapat memperkenalkan beberapa jenis contoh rumah murah yang dapat dibina dengan cepat yang harganya di antara \$3,500 dan \$15,000 setiap yunit. De-

ngan ini proses pembinaan rumah dapatlah dipercepatkan.

Datuk Yang Dipertua, benarkan saya menyentuh berkenaan aspek pengurusan perumahan. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua, peruntukan bagi perumahan Negeri Pulau Pinang berjumlah lebih-kurang \$9 juta, tetapi pada akhirnya hanya lebih-kurang \$2 juta digunakan disebabkan pengurusan yang tidak sempurna dan kekurangan kakitangan teknik. Jawatan-kuasa Perumahan Negeri, J.K.R. dan L.P.K.T. tidak dapat menjalankan projek-projek perumahan tambahan kerana mereka tersangat sibuk dalam pekerjaan-pekerjaan lain.

Datuk Yang Dipertua, tugas untuk memperuntukan perumahan dan meliharanya kelak adalah satu perkara yang berat dan *complex* dan ianya behendakkan sebuah badan menguruskan sepenuh masa seperti P.B.A. dan L.L.N.. Oleh itu saya ingin menggesa Kerajaan Pusat supaya meluluskan pembentukan sebuah lembaga perumahan atau Perbadanan Perumahan yang berkuasa dan bertanggungjawab untuk menjalankan rancangan-rancangan pembangunan perumahan di Pulau Pinang secara berkesan dan sistematik.

Dengan ini saya ucapan terima kasih.

Ketua Menteri: Saya ucapan terima kasih kepada Ahli Kawasan Ma-chang Bubuk atas ucapan beliau.

Dalam perkara-perkara yang berbangkit yang berguna Kerajaan bolehlah ambil perhatian dan tindakan yang sesuai, tetapi berkenaan dengan banjir yang berlaku baru-baru sahaja, iaitu pada 17hb, 18hb dan 19hb September tahun ini, saya haraplah Yang Berhormat Ahli mengambil perhatian sebab banjir ini disebabkan oleh hujan lebat yang turun berturut-turut tiap-tiap hari selama 3 hari dalam bulan September. Jumlah sukatan air hujan bulanan sebanyak 20.44 inci telah dicatatkan bagi bulan September tahun ini berbanding dengan purata sukatan air hujan bulanan sebanyak 12.5 inci. Bagi tiga hari berturut-turut yang telah saya sebutkan tadi, jumlah sukatan air hu-

jan adalah 11.2 inci; 7.7 inci darinya ialah hujan yang turun tidak berhenti-henti selama 24 jam dari 7.30 pagi hari Jumaat, 17hb September hingga 7.30 pagi hari Sabtu, 18hb September.

Menurut analisa yang dibuat oleh Jabatan Parit dan Talair, hujan yang turun tidak berhenti-henti selama 24 jam hanya terjadi dalam 23 tahun sekali dan hujan yang turun tidak berhenti-henti selama 72 jam hanya terjadi 47 tahun sekali. Saya buat contoh ini sahaja untuk pengetahuan Yang Berhormat Ahli-Ahli, dan pegawai-pegawai Jabatan Kerajaan selalu mengambil perhatian dan tindakan berat untuk perkara-perkara tersebut.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim Bin Abdul Razak): Tuan Speaker, di sini saya ingin menyampaikan hasrat penduduk-penduduk di kawasan saya berkenaan beberapa tajuk, berkenaan soalan yang menjadi tandatanya di dalam kawasan ini.

Yang Pertama adalah berkenaan dengan bekalan api letrik untuk 45 buah rumah masyarakat Cina yang ada di kawasan Permatang Tengah Sungai Puyu berhampiran dengan Padang Terbang Tentera Udara.

Yang kedua ialah bekalan ayer di kawasan Bagan Jermal dan Kampong Setol, Telok Ayer Tawar dan di Kampong Permatang Kecil berhampiran dengan Pekan Darat.

Yang Ketiga ialah berkenaan parit-parit di Pekan Sungai Puyu, Pekan Bagan Ajam dan parit-parit di tepi kubur orang-orang cina kerana mereka ini terlibat dengan beberapa perkara dan telah terjejas perniagaan mereka dan juga lebih-lebih lagi dari segi kesihatan. Apa yang merunsingkan ialah kerana kawasan-kawasan yang saya sebutkan ini ialah kawasan perbandaran. Mereka ini telah ketinggalan dan orang-orang di luar bandar mendapat kemudahan api dan air tapi mereka ini tidak mendapat kemudahan api. Inilah menjadi sungutan terhadap kita di sini.

Yang keempat ialah berkenaan, satu permintaan dari masyarakat Islam di Telok Ayer Tawar bagi mendapat se-

keping tanah untuk tapak surau kepada lebih-kurang 190 penduduk-penduduk di situ. Sehingga sekarang sudah bertukar ganti 4 orang Pegawai Daerah di Daerah Butterworth tapi permohonan mereka ini masih berlalu dan mereka ini masih berharap. Jadi saya berharap supaya tapak surau itu mendapat perhatian dari pihak Kerajaan untuk mengambil suatu tindakan untuk meluluskan permintaan di atas kerana mereka telah pun menyediakan wang asas \$9,000.

Selain daripada itu juga saya agak tentulah saya tak patut bercakap dalam Dewan ini tentang perkara parit, api dan perkara air kerana ini telah menjadi dasar Kerajaan kita untuk memproseskan atau memperbandarkan kampung-kampung kecil dan pekan-pekan kecil untuk kemudahan kepada sekelian rakyat, tetapi dengan sebab desakan, sebagaimana yang saya katakan tadi, kampung-kampung yang saya sebutkan tadi ialah di dalam kawasan bandar yang telah ketinggalan, tetapi mereka yang ada di kawasan kampung-kampung kecil telah dapat kemudahan. Jadi saya harap kepada pihak Kerajaan, dalam Rancangan Malaysia Ketiga, perkara ini akan dapat diatasi.

Sekian terima kasih.

Ketua Menteri: Datuk Speaker, saya mengucapkan terimakasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bagan Ajam di atas ucapan penangguhannya berkenaan dengan perkara bekalan letrik, bekalan air, masaalah parit dan surau dan juga cadangan-cadangan beliau akan cara-cara mengatasi masaalah-masaalah ini supaya penduduk-penduduk di kawasan-kawasan tersebut dapat menikmati kemudahan-kemudahan sosial yang lebih baik.

Berkenaan dengan bekalan letrik 45 buah rumah di kampung Permatang Tengah, Sungai Puyu berhampiran dengan Padang Terbang Permatang Kucing. Jawatankuasa Tindakan Daerah telah meluluskan permohonan ini. Namun demikian projek ini masih dalam perbincangan di peringkat Daerah untuk menentukan keutamaan bagi semua projek di Daerah Butter-

worth dan akan dilaksanakan dalam tahun depan iaitu tahun 1977.

Merujuk kepada bekalan air bagi Bagan Jermal, projek ini sedang dalam pertimbangan untuk tahun depan pun. Projek bekalan air untuk Kampung Setol, Telok Ayer Tawar akan dilaksanakan pada tahun ini. Sehingga hari ini, Pihak Berkuasa Air belum lagi terima sebarang permohonan untuk bekalan air untuk Permatang Kechil, Permatang Tok Jaya. Saya harap Yang Berhormat bolehlah cepat hantar permohonan. Oleh yang demikian penduduk-penduduk adalah dinasihatkan supaya membuat permohonan mereka.

Berkenaan dengan bahagian ketiga soalan Ahli Yang Berhormat Bagan Ajam penyelesaian ialah untuk memperbaiki parit-parit tanah di hadapan kawasan perkuburan yang ada di situ dan pembetong untuk membolehkan air hujan dan air kotor disalurkan kepada parit-parit besar di tepi kawasan perkuburan di Sungai Puyu. Semenara itu, penduduk-penduduk telah mendalamkan parit sambungan untuk memberi keselamatan daripada banjir dalam kawasan di sekeliling kedai-kedai. Air parit besar berhampiran dengan kawasan perkuburan itu tidak bertakung' Parit ini menyalurkan air kotor dari pengkalan RAAF di utara ke arah kawasan kolam air simpanan Mak Mandin.

Air dalam parit tanah yang mengalir ke arah Sungai Puyu bertakung oleh sebab pembetong aliran-aliran di hadapan pasar Bagan Ajam terletak lebih tinggi daripada parit tanah itu, saya ingat ini telahpun dijawab tadi dan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan selalu menjalankan kerja-

kerja pengliran parit ini dari masa ke semasa. Tetapi ini satu masalah yang besar sekali dan baru-baru ini saya dapat tahu ada pakar untuk mengkaji masalah banjir dan saluran air di dalam Seberang Perai telah melawat ke Pulau Pinang tak berapa lama lagi.

Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai sungguh sedar akan masalah pembiakan nyamuk di parit-parit yang mana aliran air kotor diganggu oleh kerana kekurangan aliran keluar dan turun yang sem-purna. Langkah-langkah yang sesuai diambil oleh Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai bersama dengan Kementerian Kesihatan untuk menentukan supaya parit-parit ini selalu dibersihkan untuk mengurangkan pembiakan nyamuk.

Sebagai jawapan kepada soalan yang terakhir daripada Ahli Yang Berhormat Ahli Bagan Ajam, berkenaan dengan permohonan daripada masyarakat orang Islam di Taman Senangan, Telok Ayer Tawar untuk tapak bagi membina sebuah surau, pelan-pelan tata-letak masih belum lagi disiapkan oleh pemaju yang berkenaan dan sehingga Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan meluluskan pelan tersebut, tapak untuk surau yang dicadangkan itu tidak dapat ditentukan.

Pemungut Hasil Tanah telah menghantar surat-surat kepada tuan-tuan tanah di Singapura mengenai perkara ini tetapi jawapan daripada mereka masih belum diterima lagi.

Dewan titangguhan pada jam 12.50 petang.